

334 individu terima
pingat kebesaran

2

1,200 penjaja dapat
Geran Madani

5

Pendengaran cukai
taksiran MBSA 5 Ogos

6

RM239,673 nilai jualan
JER Aidiladha

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 20 - 26 JUN 2024

www.selangorkini.my

Jajaran Gombak-Klang siap 2027

Rel laluan ECRL dari Kota Bharu ke Gombak dijadual siap pada akhir tahun depan. Stesen terminal Gombak dilengkapi kemudahan parkir kereta, laluan pejalan kaki berbunga dan kuarters kakitangan

MUKA 4

Permudah maahad tahfiz persendirian beroperasi

Program pemutihan bantu pusat tahfiz persendirian yang belum daftar dengan Jais atau tiada kelulusan PBT untuk beroperasi sementara melalui kebenaran merancang tempoh terhad selama tiga tahun

MUKA 4



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menerima plakad daripada EXCO Keusahawanan Najwan Halimi dalam program Gagasan Rumpun Selangor peringkat Petaling di Shah Alam pada 19 Jun 2024. Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop (dua, kiri), EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail (dua, kanan) dan Orang Besar Daerah Petaling Dato' Emran Kadir (kanan) dan Pegawai Daerah Petaling Rahilah Rahmat (kiri). Foto AHMAD ZAKKI

JILAN ► BERITA MUKA 2

pancawarna

Cukai taksiran tidak beban rakyat



Penilaian baharu ambil kira nilai harta tanah, yang layak terima pengecualian

9-11



Subsidi diesel bantu golongan sasaran

Petani, pesawah dan nelayan terus dapat manfaat bahan api murah daripada kerajaan

16



Barisan bintang hangatkan Euro 2024

Pemain bola sepak berentap pamer kelincahan demi gelaran juara Eropah

12-14

Sultan solat bersama 3,000 jemaah

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong di sini.

DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mengiringi Baginda beribadah bersama 3,000 rakyat.

Hadir sama pada 17 Jun, EXCO Agama Dr Mohammad Fahmi Ngah, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim, EXCO Sukan Mohd Najwan Halimi dan EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Dalam khutbah yang dipimpin timbalan mufti Selangor, umat Islam diingatkan supaya ikhlas melakukan ibadah korban sebagaimana yang ditunjukkan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS.

Dato' Dr Miszairi Sitiris juga mengingatkan umat Islam supaya sentiasa berzikir memuji kebesaran Allah SWT supaya hati menjadi tenang sekali gus mengukuhkan keimanan kepada-Nya.

Doa rakyat sejahtera dari Arafah

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang menunaikan haji mendoakan kesejahteraan dan keselamatan untuk seluruh rakyat Malaysia khususnya warga Selangor.

Menitip doa dari Arafah agar Selangor dan Malaysia dilimpahi keamanan dan kemakmuran, beliau berdoa perpaduan dalam kalangan rakyat terus utuh bagi menepui cabaran mendatang.

"Kira-kira jam 2.50 petang di bumi Arafah, saya dan juga jutaan umat Islam baru selesai aktiviti, berdoa, bermunajat sempena rukun utama menunaikan haji iaitu berwukuf di Arafah.

"Ini waktu paling mustajab berdoa, dalam doa saya panjatkan selain kesejahteraan secara peribadi untuk diri dan keluarga serta sahabat," katanya dalam rakaman di Facebook pada 16 Jun.

IMBAS DI SINI
akbar digital minggu lepas

334 individu terima pingat kebesaran

SHAH ALAM - Seramai 334 individu menerima pingat kebesaran sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ke-78 di bangunan pentadbiran negeri di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah menyempurnakan istiadat meliputi penerima dari Petaling, Klang, Hulu Selangor, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Sepang.

Mengiringi Baginda pada 12 dan 13 Jun antaranya Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim, Speaker

Dewan Negeri Selangor Lau Weng San, barisan EXCO, wakil rakyat dan pemimpin masyarakat.

Pengerusi Jawatankuasa Pengadil Persatuan Sepaktakraw Selangor Mohd Zubir Muhamad Shari mendahului senarai melalui kurniaan Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor (PKS) pada 12 Jun.

Seramai 13 lagi menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT) selain 40 kakitangan negeri yang berkhidmat sekarang-kurangnya tujuh tahun menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor (PPC).

Selain itu, 101 individu dianugerah

Pingat Jasa Kebaktian (PJK) manakala 10 kakitangan Kerajaan Negeri yang berkhidmat lebih 20 tahun menerima Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS).

Pada 13 Jun, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Seri Makmur di Sungai Besar Megat Pauzi Ibrahim dan Pengarah Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya Maizatul Hanisa M Isa mengetui senarai penerima apabila dikurniakan PPT diikuti 23 individu lain.

Dalam istiadat sama, seramai 15 lagi menerima PPC, 114 individu dianugerahkan PJK manakala 16 kakitangan negeri dikurnia PPS.

Pesan Raja Muda untuk penjawat awam

Amal sikap mesra, cekap atasi masalah

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor mahu pegawai dan kakitangan kerajaan bersifat mesra selain mendengar masalah dihadapi rakyat negeri ini.

Tengku Amir Shah bertitah kumpulan berkenaan merupakan aset kerajaan yang berperanan penting untuk memastikan rakyat hidup dalam kesejahteraan dan kemakmuran.

"Pegawai dan kakitangan kerajaan bertanggungjawab melaksanakan segalas dasar yang digubal kerajaan demi

kepentingan semua warga Selangor.

"Bagaimana elok sekali pun dasar yang digubal, ia tidak akan bermakna atau mendatangkan sebarang manfaat kepada rakyat jika pelaksanaan tidak cekap dan kurang berkesan," titah Baginda ketika menyempurnakan perasmian Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pada 19 Jun.

Titah Baginda, rakyat menaruh tinggi kepada pentadbiran yang bertindak sebagai pelaksana dasar dan semua masalah perlu diselesaikan dengan adil tanpa mengira kaum, agama serta faham politik.

"Beta berharap segala dasar yang

hendak dilaksanakan tidak akan membebankan rakyat dan dasar tersebut perlulah mendatangkan manfaat kepada rakyat.

"Pegawai dan kakitangan pejabat daerah juga hendaklah bekerjasama dengan Orang Besar Daerah iaitu wakil kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor supaya dapat sama-sama memajukan daerah dan membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat," titah Baginda.

Sempena program berkenaan dan perayaan Aidiladha, Tengku Amir Shah berkenan menyembelih lembu dan mengagih daging korban.

Tampung belanja jemaah haji

SHAH ALAM - Nilai Insentif Haji Muassasah berbentuk wang tunai ditingkat kepada RM1,000 pada tahun ini yang memanfaatkan 6,000 jemaah, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menjelaskan kepentingan Islam sentiasa diberi keutamaan, beliau berkata peruntukan ditambah kepada RM6 juta berbanding RM1.5 juta yang disalur un-

tuk 3,000 jemaah sejak dua tahun sebelum ini.

"Kerajaan Negeri beri RM500 termasuk kit haji kepada 3,000 tetamu Allah yang mengunjungi Baitullah. Tahun ini, kita beri RM1,000 dan bilangan penerima juga dinaikkan lagi 3,000 orang."

"Pemberian ini diharap dapat menampung perbelanjaan serta mem-

bolehkan insan terpilih beribadah dengan selesa di tanah suci," katanya di Facebook pada 15 Jun.

Pada 3 Mei, Amirudin mengumumkan insentif yang dimohon antara 6 Mei hingga 23 Ogos naik dari RM500 kepada RM1,000 yang memanfaat 6,000 jemaah tahun ini melibatkan peruntukan RM6 juta.

Masjid, surau wadah penyatuan

SHAH ALAM - Masjid dan surau disarankan mengadakan program kemas-yarakatan bagi memastikan institusi agama itu terus berperanan sebagai wa-dah penyatuan ummah, kata EXCO agama Islam.

Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata gotong-ro-yong korban sempena Aidiladha antara program yang menepati titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan

Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

"Program begini sangat baik untuk memupuk perpaduan dan inilah dititahkan Sultan Selangor agar masjid dan surau jadi pusat perpaduan dan penyatuan ummah."

"Ia membantu menge-ratkan perpaduan masyarakat dan mewujudkan suasana muhibah. Inilah se-mangat baik yang perlu diterap dalam seluruh masjid dan surau di Se-

langor," katanya pada 17 Jun.

Beliau yang ditemui selepas meninjau program korban di Surau Al-Bukhary Laman Glenmarie di sini berkata 20 kambing dan 10 lembu disumbang ke beberapa masjid dan surau sekitar kawasan itu.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM6 juta untuk sumbangan korban mem-babitkan 1,000 kambing dan 700 lem-bu yang diagih melalui wakil rakyat, masjid, surau dan badan bukan kera-jan.



KALENDAR ACARA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE- BANDARAYA PETALING JAYA 18

MAJLIS BACAAN YASIN 12.00 tengahari - 1.00 tengahari Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz	JUMAAT 21 JUN	AHAD 23 JUN	MALAM MUZIKAL 8.30 malam - 11.00 malam Dewan Auditorium MBPJ
FESTARI PJ 2.00 petang - 12.00 tengah malam Dewan Auditorium MBPJ	SABTU 22 JUN	SELASA 25 JUN	MAJLIS SUMBANGAN PKKPJ & PENYAMPAIAN HADIAH PJSSR COMMUNITY AWARD 8.00 malam - 11.00 malam Dewan Banquet MBPJ
LARIAN PJ10K 4.00 pagi - 9.00 pagi Laman MBPJ	AHAD 23 JUN	KHAMIS 27 JUN	SELANGOR CREATIVE CITIES CONFERENCE 2024 9.30 pagi - 5.00 petang Dewan Banquet MBPJ
PROGRAM CSR GOTONG-ROYONG KAWASAN HOTSPOT DENGGI 11.30 pagi	AHAD 23 JUN	KHAMIS 27 JUN	PERASMIAAN MONUMEN SISTER CITY MPH'S 9.30 pagi - 5.00 petang Sister Cities Square

PJ BERSELAWAT 8.00 malam - 11.30 malam Dewan Banquet MBPJ	KHAMIS 27 JUN	SABTU 29 JUN	MEGA LEISURE @PJ STATE 52 3.00 petang - 10.00 malam Boulevard & Sekitar Menara MBPJ
PJ INTERNATIONAL OUTDOOR EXPO 8.00 pagi - 6.00 petang The Spine & Dewan D' Klang	JUMAAT - AHAD 28-30 JUN	SABTU 29 JUN	SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDARAYA & PELANCARAN FOLKLORE 2025 8.00 malam - 12.00 tengah malam Laman MBPJ
SUKAN KOMUNITI (FUTSAL, HOKI & BOLA JARING) 8.00 pagi - 5.00 petang Laman MBPJ	SABTU 29 JUN	AHAD 30 JUN	PJ TOWER RUN 7.00 pagi - 3.00 petang Menara MBPJ
SUMBANGAN PJ PRIHATIN 9.00 pagi - 12.00 tengahari Sekitar PJ	SABTU 29 JUN	AHAD 30 JUN	JOM JELAJAH PJ TREASURE HUNT 9.00 pagi - 12.00 tengahari Laman MBPJ

PETUNJUK: TERHAD KEPADA JEMPUTAN JEMPUTAN TERBUKA

PERCUMA 20 JUN 2024

- Tempat Letak Kereta
03-7956 3544 samb. 145

- Penggunaan Kolam Renang, Gelanggang & Padang
03-7960 1220



ABATE
*Percuma
LAMAN MBPJ . 8.30 PAGI



KEAHLIAN
*Percuma
PERPUSTAKAAN KOMUNITI . 8.30 PAGI



PEMBERIAN ANAK
POKOK
*Percuma
LAMAN MBPJ
8.30 PAGI



50%
DISKAUN
TONG SAMPAH
BERODA
MENARA MBPJ
8.30 PAGI

03-7781 2775

MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDARAYA & PELANCARAN FOLKLORE 2025



SABTU
29
JUN 2024

8.00 malam - 12.00 tengah malam
Laman MBPJ

PERARAKAN ULANG TAHUN
BANDARAYA
→ AGENSI KERAJAAN
→ IPTS
→ PERHOTELAN
→ PUSAT PERUBATAN
→ KOMUNITI PJ
→ NGO
→ SAHABAT MOTOR MBPJ
→ BORNEO @PJKITA

- * PERARAKAN
- * PERSEMBAHAN ARTIS
- * PERTUNJUKAN BUNGA API

IMBAS
UNTUK
ACARA
PENUH

Semua Dijemput Hadir



5,340 tan sampah hari pertama raya

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) mengutip 5,340 tan sampah setakat hari pertama sambutan Aidiladha pada 17 Jun.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata kutipan seluruh negeri itu membabitkan sampah domestik 4,797 tan dan pembersihan awam 542 tan.

"Seramai 4,397 pekerja bertugas di 384 kawasan. KDEBWM sentiasa menjalankan tanggungjawab membuat kutipan setiap hari termasuk pada Aidiladha," katanya pada 18 Jun.

Tambah beliau, KDEBWM menyediakan 939 lori bagi melaksana operasi janaan sampah melibatkan 324 tong sampah pukal (Roro) pembersihan, roro domestik (57) dan lori kompaktor (558).

"Jumlah kutipan tahun ini menurun banding tahun lalu. Antara faktor yang menyebabkan jumlah itu menurun kerana banyak kedai belum dibuka," katanya.

Tiga saringan kesihatan percuma

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang menjalani saringan kesihatan percuma meliputi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) pertengahan bulan ini, kata EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu program itu yang dianjurkan pentadbiran negeri menawarkan pemeriksaan mata, telinga, gigi, jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi dan barah.

Katanya, orang awam disarankan membuat prapendaftaran melalui Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) kerana penilaian faktor risiko setiap individu dibuat dalam aplikasi tersebut.

Mulai jam 9 pagi hingga 3 petang, program saringan DUN Bukit Melawati berlangsung di Dewan MPKS Bandar Baru Kuala Selangor pada 22 Jun.

Program sama diteruskan di Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras DUN Gombak Setia pada 29 Jun dan di Dewan Sri Jugra, Kuala Langar bagi DUN Banting sehari kemudian. Sebelum ini, program sama berlangsung di DUN Bandar Utama.

Orang ramai boleh menghubungi Selcare melalui talian 1-800-226-600 jika mengalami masalah berkaitan pendaftran.

Pengeluar kereta China buka kilang

SHAH ALAM - Chery Automobile Co Ltd, pengeluar kenderaan terkenal China, membuka kilang pemasangan di Taman Perindustrian Subang di sini pada 18 Jun, kata EXCO pelaburan.

Ng Sze Han memberitahu lebih 500 peluang kerja ditawarkan kepada rakyat selain mencipta 1,000 jawatan baharu di pusat jualan, perkhidmatan dan alat ganti jenama pengeluar kenderaan itu.

"Selangor terus bersinar sebagai hab dinamik di Asia Tenggara dan ia dibuktikan dengan kehadiran

Chery yang juga jenama kenderaan terkenal ke negeri ini.

"Pelaburan ini membuktikan pertumbuhan ekonomi negeri memberangsangkan selain faktor prasarana terbaik yang membantu pelabur mengembangkan sayap mereka," katanya pada 19 Jun.

Beliau hadir pelancaran Kilang Korporat Chery yang menjadi kemudahan pemasangan tempatan pertama di Asean bagi subjenama model kenderaan utiliti sukan (SUV) premium Jaecoo.

Turut sama, Menteri Pelaburan Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Menteri Industri dan Teknologi Maklumat China Dr Jin Zhuanglong.

Tengku Zafrul menyifatkan Chery Malaysia yang berada di Malaysia kurang setahun mencatat pertumbuhan luar biasa termasuk penglibatan vendor tempatan dalam pembekalan komponen mereka.

"Hampir setahun selepas pelancaran mereka, Chery kini melancarkan kilang pemasangan mereka sendiri di Selangor," katanya.



Stesen Gombak sedia pelbagai kemudahan

Jajaran rel ECRL siap 2027

SHAH ALAM - Jajaran Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) antara Gombak dan Pelabuhan Klang dijadual siap menjelang Disember 2027, kata Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Stesen Terminal Bersepadu ECRL Gombak dijangka dihubungkan dengan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Gombak bagi memudahkan saling-hubungan menerusi LRT Laluan Kelana Jaya.

Kemudahan tersebut terletak di kawasan seluas 8.73 hektar di pinggir kawasan pembentukan kuarza terpanjang di dunia iaitu Gombak Selangor Quartz Ridge, lapor Bernama.

Dalam kenyataan MRL, penyediaan rel ECRL melibatkan laluan dari Kota Bharu, Kelantan ke Terminal Bersepadu Gombak, Selangor pula dijangka siap pada Disember 2026.

Majlis pecah tanah stesen ECRL Gombak itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri China Li Qiang pada 19 Jun.

Stesen berkenaan menyediakan platform untuk pengguna, lengkap pelbagai kemudahan termasuk parkir kereta, laluan pejalan kaki berbumbung, kquarters kakitangan dan landskap taman.

Program tersebut sebahagian acara lawatan rasmi perdana menteri China ke Malaysia sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan Anthony Loke, Pengurus MRL Tan Sri Mohd Zuki Ali, Duta Besar China ke Malaysia Ouyang Yujing dan menteri serta pegawai kanan kedua-dua pihak.

Sepanjang 665km, ECRL bermula dari Kota Bharu dan berakhir di Pelabuhan Klang menyediakan 20 stesen, 10 stesen penumpang dan 10 lagi menggabungkan pengangkutan barang dan penumpang.

Permudah maahad tahfiz beroperasi

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor membantu pusat tahfiz persendirian yang belum memperoleh kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menjalankan operasi secara sementara.

EXCO Agama Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu pengusaha yang beroperasi sehingga tahun lalu perlu mendaftar dalam program pemulihan bawah Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (Pitas).

Beliau berkata Pitas sebagai agensi sehenti kemudian membuat permohon-

an kepada PBT untuk memperoleh kelulusan kebenaran merancang tempoh terhad (KMTT) minimum tiga tahun.

"Pemutihan ini untuk memastikan institusi tahfiz persendirian mematuhi syarat minimum kebenaran merancang dari PBT bagi membantu pengusaha meneruskan operasi seterusnya menerima bantuan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Kebenaran terhad itu memberi peluang kepada pengusaha atau tuan tanah untuk menjalankan kegiatan bersifat se-

mentara di atas lot tanah," katanya dalam kenyataan pada 12 Jun.

Menjelaskan kelulusan sementara itu tertakluk syarat tertentu, Dr Fahmi menjelaskan pengusaha yang memenuhi syarat layak dipertimbang untuk memperoleh kebenaran merancang penuh.

"Ketidakpatuhan syarat kebenaran terhad yang diberi akan membolehkan PBT menamatkan kelulusan tersebut pada bila-bila masa," katanya sambil menambah 724 institusi tahfiz persendirian dikesan beroperasi tanpa mendaftar dengan Jais.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:27	8:42
21 Jumaat	5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43
22 Sabtu	5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43
23 Ahad	5:43	5:53	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43
24 Isnin	5:43	5:53	7:06	1:19	4:44	7:28	8:43
25 Selasa	5:43	5:53	7:06	1:19	4:45	7:28	8:43
26 Rabu	5:43	5:53	7:06	1:19	4:45	7:28	8:44

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:43	5:53	7:06	1:18	4:44	7:27	8:42
5:43	5:53	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43
5:43	5:53	7:06	1:19	4:44	7:27	8:43
5:43	5:53	7:07	1:19	4:45	7:27	8:43
5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:43
5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:43
5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:29	8:45
5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:29	8:45
5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:30	8:45
5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:30	8:46
5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:30	8:46
5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:30	8:46



SUMBANGAN... EXCO Perumahan dan Kebudayaan Borhan Aman Shah menyerahkan daging korban kepada penduduk sempena sambutan Aidiladha di Kampung Kundang, Kuala Langat pada 18 Jun. Foto Facebook EXCO Perumahan & Kebudayaan/Ahli Dewan Negeri Tanjong Sepat

Perluas ekonomi digital

Geran RM1,000 buat penjaja

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

KLANG - Seramai 1,200 penjaja seluruh Selangor bakal menerima bantuan Geran Digital Penjaja Madani bernilai RM1,000 bagi membantu usaha mendigital perniagaan masing-masing.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi berkata pemberian geran ini akan ke setiap pihak berkuasa tempatan (PBT), bermula di Majlis Bandaraya Diraja Klang.

"Geran ini membantu memantapkan lagi perniagaan secara mendigital supaya dapat mewujudkan kelompok penjaja lebih berdaya saing dalam konteks ekonomi digital."

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri menumpukan ekonomi kreatif usahawan dengan pelbagai agensi. Kali ini, kita jadi pemudah cara untuk sampaikan bantuan niaga dalam talian," katanya pada 15 Jun.

Beliau juga menambah seramai 100 orang daripada setiap PBT akan menerima manfaat tersebut dan bilangannya ditingkat dari semasa ke semasa.

Sementara itu, penerima S Santhakumare, 35, menyifatkan pemberian geran tersebut meningkatkan lagi per-

niagaan penjaja selepas bersalin yang diusahakan sejak 11 tahun lalu.

"Saya bekerja sebagai kerani dan mengusahakan perniagaan sambilan. Apabila semakin berkembang enam tahun lalu, saya berhenti kerja dan tumpu kepada perniagaan."

"Dengan adanya bantuan geran ini, saya boleh kembangkan lagi perniagaan supaya lebih dikenali dan tambah pendapatan untuk tumpung dua orang anak yang masih bersekolah," katanya.

Khairin Batrisya Mohd Nasir, 28, pula menganggap bantuan geran memudahkan urusan pengalian perniagaan kepada mendigital khususnya buat peniaga yang kekurangan modal.

Menjual kelengkapan ibadah dan buku agama bersama adik-beradik, beliau memberitahu perniagaan tersebut diusahakan keluarga sejak 20 tahun lalu dan berharap ia terus bertahan.

"Sejak kecil, saya lihat sendiri perkembangan perniagaan dan akui pentingnya mendigitalisasi. Usaha ini memudahkan peniaga meneruskan perniagaan mengikut peredaran zaman," katanya.



Bantuan cengkeram motor hingga 30 Jun

SHAH ALAM - Permohonan bantuan bahan pendahuluan pembelian motosikal untuk pekerja BikeCare-1000 fasa dua dibuka sehingga 30 Jun, kata EXCO Sumber Manusia V Papparai.

Katanya, borang permohonan program khusus untuk warga Selangor itu boleh diperoleh di Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) di tingkat lima bangunan pentadbiran negeri.

"Pemohon perlu mematuhi syarat yang ditetapkan iaitu berusia 18 tahun ke atas, memiliki lesen motosikal yang sah dan tidak disenarai hitam Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS)."

"Permohonan perlu ada salinan kad pengenalan pemohon dan penjamin (keeluarga), salinan penyata bank, salinan lesen motosikal dan salinan penyata gaji dua bulan terkini," katanya pada 11 Jun.

Beliau berkata program tersebut antara inisiatif Kerajaan Selangor untuk meringankan beban pekerja pelbagai sektor ekonomi untuk memperoleh pengangkutan peribadi yang diperlukan. Maklumat lanjut hubungi 03-5544 7307 atau 03-5544 7305.

Pada 2022, Kerajaan Negeri memperkenalkan program itu bagi meringankan beban pekerja ekonomi sampingan.

Distinctively IJM

NIKMATI ALAM SEMULA JADI DI TENGAH KOTA

Rumah Berkembar untuk Dijual

Unit Bumiputera

IJM LAND
ANAH SYARIKAT IJM CORPORATION BERHAD

Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K)
Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7985 8188 Faks: 03-795 9848/9850 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Peruntukan: 10296/10-2027/11864(A) • Tarikh Sah: 30/06/2022 - 30/10/2027 • No. Kelulusan Pelan Bangunan: (09)DLM MPAJ BS.KB.740-1/2-1/2-3-2-Pegangan Tanah: 99 tahun • Tarikh tamat tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,033,800 (Minimum) RM3,275,800 (Maksimum) • Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM 4,420,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% • Fasa 2H Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7985 8188 Faks: 03-795 9848/9850 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Peruntukan: 10296/10-2027/11864(A) • Tarikh Sah: 30/06/2023 - 30/10/2027 • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ BS.KB.740-1/2-11/12-3-2-Pegangan Tanah: 99 tahun • Tarikh tamat tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM2,946,800 (Minimum) RM3,226,800 (Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% • Fasa 2H Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7985 8188 Faks: 03-795 9848/9850 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Peruntukan: 10296/10-2027/11864(A) • Tarikh Sah: 30/06/2024 - 30/10/2029 • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ BS.KB.740-1/2-11/12-3-2-Pegangan Tanah: 99 tahun • Tarikh tamat tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan Tanah ini boleh dipindahkan, dipajak atau digunakan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,878,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera: 7%

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K)

Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

019 268 4648 sierrahijauan@ijmland.com sierrahijauan.my

Fasa 2E Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7985 8188 Faks: 03-795 9848/9850 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Peruntukan: 10296/10-2027/11864(A) • Tarikh Sah: 30/06/2022 - 30/10/2027 • No. Kelulusan Pelan Bangunan: (09)DLM MPAJ BS.KB.740-1/2-11/12-3-2-Pegangan Tanah: 99 tahun • Tarikh tamat tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,033,800 (Minimum) RM3,275,800 (Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% • Fasa 2H Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7985 8188 Faks: 03-795 9848/9850 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Peruntukan: 10296/10-2027/11864(A) • Tarikh Sah: 30/06/2023 - 30/10/2027 • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ BS.KB.740-1/2-11/12-3-2-Pegangan Tanah: 99 tahun • Tarikh tamat tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM2,946,800 (Minimum) RM3,226,800 (Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% • Fasa 2H Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7985 8188 Faks: 03-795 9848/9850 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Sesetengah 3 Tingkat • No. Lesen Peruntukan: 10296/10-2027/11864(A) • Tarikh Sah: 30/06/2024 - 30/10/2029 • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ BS.KB.740-1/2-11/12-3-2-Pegangan Tanah: 99 tahun • Tarikh tamat tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan kepentingan Tanah ini boleh dipindahkan, dipajak atau digunakan setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Ogos 2026 • Jenis SD1 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minimum) RM4,241,800 (Maksimum) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minimum) RM3,742,800 (Maksimum) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Sesetengah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,878,800 (Minimum/Maksimum) • Diskaun untuk Bumiputera: 7%

Tidak naik cukai selama 37 tahun

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) tidak membuat semakan kadar cukai taksiran membabitkan tanah kosong, perumahan, kilang dan perniagaan selama 37 tahun sejak 1987.

Meski pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mahu menguat kuasa nilaihan baharu mulai 1 Januari 2025, pemilik hartaanah boleh membuat bantahan melalui pelbagai platform selewat-lewatnya pada 25 Jun.

Bantahan boleh dibuat dengan mengimbas kod QR, e-mel kepada jpph@mpki.gov.my atau muat turun borang bantahan di mpkl.gov.my/sumber/muat-turun-borang/jabatan-penilaian-dan-pengurusan-harta/

Selain MPKL, tujuh PBT lain juga tidak membuat semakan kadar cukai antara 20 hingga 40 tahun lalu.

Temui rakyat, beri penerangan

KLANG - Ahli Dewan Negeri Sentosa Dr G Gunaraj bertemu segenap lapisan rakyat bagi memberi penjelasan berhubung cadangan kenaikan kadar cukai taksiran mulai 1 Januari 2025.

Beliau berharap penduduk memahami cadangan sedemikian bertujuan memastikan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) berupaya memberi perkhidmatan terbaik pada masa akan datang.

"Mesti ada penambahbaikan dalam perkhidmatan bukannya semakin merosot. Oleh itu, saya maklumkan kepada mereka antara penekanan diberi berkaitan pengurusan sampah dan isu banjir."

"Penduduk akan terima sekiranya berlaku sedikit kenaikan namun MBDK perlu beri perkhidmatan terbaik dan baik kemudahan awam," katanya pada 16 Jun.

Tiga hari program talaqqi kitab

SHAH ALAM - Program Talaqqi Kitab Turath Islami bagi mengupas karya agung Imam Al-Ghazali diteruskan pada 24, 25 dan 27 Jun di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Menampilkan tokoh ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni, program kesinambungan Festival Turath Islami Selangor yang dianjur hujung bulan lalu akan mengupas kitab Ihya Ulumuddin dan Mawaqif al-Marjan.

Selain Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), siri tersebut turut dianjurkan bersama Media Selangor Sdn Bhd, Akademi Pemikiran Turath, pejabat Dato' Menteri Besar dan masjid negeri.

Program pada 24 Jun meliputi dua sesi iaitu kuliah Dhuha (9 hingga 11 pagi) dan kuliah Isyak (9 hingga 11 malam) manakala pada 25 dan 27 Jun sesi kuliah Dhuha diadakan bermula 9 hingga 11 pagi.

MBSA bincang bersemuka 5 Ogos

SHAH ALAM - Sesi pendengaran berhubung bantahan kadar baharu cukai taksiran bersama pemilik hartaanah bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dijadual pada 5 Ogos.

Menerima 5,669 bantahan sehingga tarikh akhir 14 Jun, sesi tersebut akan diadakan secara bersemuka sebelum keputusan lanjut diambil, kata Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

"Setelah keputusan mengenaiinya dibuat, MBSA akan memaklumkan keputusan berkenaan kepada pemilik hartaanah melalui surat dalam tempoh 14 hari," katanya pada 19 Jun.

Beliau menambah senarai nilaihan yang disemak akan dibentang semula kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pengesahan sebelum dikuat kuasa



pada 1 Januari 2025.

Sebelum ini, MBSA memaklumkan pemilik hartaanah di kawasan pentadbirannya mula membayar cukai taksiran pada kadar baharu mulai Januari tahun depan.

Menjelaskan tidak naik selama 18 tahun, kadar kurang 25 peratus daripada cukai lama melibatkan semua kategori harta iaitu kediaman, perdagangan, perindustrian dan tanah kosong (pertanian).

Rumah ibadat, sekolah dan premis awam yang bukan bermotif keuntungan pula menerima pengecualian.

Sementara itu, sesi pendengaran membabitkan 12.34 peratus pemilik harta yang membantah nilaihan baharu pemilikan hartaanah di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di-

jadual pada 24 Jun.

Yang Dipertua Dr Ani Ahmad memberitahu sesi tersebut diadakan secara berperingkat sehingga 31 Julai melibatkan 22,352 daripada 181,144 pemegang harta di kawasan pentadbiran MPAJ.

"Panggilan dan jemputan ke sesi mendengar bantahan dihantar melalui surat, e-mel dan sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemilik harta yang membuat bantahan.

"Pemilik harta yang menerima jemputan diminta membuat pengesahan kehadiran melalui pautan yang dilampirkan bersama jemputan kelak," katanya.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Tiada kenaikan lebih 30 tahun

Bantahan MBPJ, MBDK mulai Julai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak membuat semakan kadar cukai taksiran sejak lebih 30 tahun.

Kali terakhir pada 1992, MBPJ tidak membuat sebarang kenaikan sejak 33 tahun manakala MBDK pula menggunakan pakai kadar nilaihan berusia 31 tahun iaitu sejak 1993.

Meski kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mahu menguat kuasa nilaihan baharu mulai 1 Januari 2025, pemilik hartaanah boleh membuat bantahan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Bantahan terhadap MBPJ boleh dibuat pada atau sebelum 4 Julai dengan cara mengimbas kod QR atau mengisi borang di laman sesawang PBT berkenaan.

Bantahan terhadap MBDK pula boleh dilakukan menerusi laman sesawang, imbasan kod QR, e-mel atau hadir secara fizikal di kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta sebelum atau pada 16 Julai.

Selain MBPJ dan MBDK, lapan PBT lain juga tidak membuat semakan kadar cukai taksiran antara kira-kira 20 hingga 40 tahun lalu.

Tiada semakan hampir 40 tahun

SHAH ALAM - Lapan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak membuat semakan kadar cukai taksiran antara kira-kira 20 hingga 40 tahun lalu.

Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) paling lama tidak menaikkan kadar itu selama 39 tahun sejak 1985, diikuti Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) 37 tahun sejak 1987 dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 32 tahun sejak 1992.

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pula tidak menaikkan cukai taksiran selama 32 tahun sejak 1992 bagi kawasan Subang Jaya dan Bandar Sunway. Manakala kawasan USJ, Puchong, Seri Kembangan dan Serdang selama 28 tahun sejak 1996.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) pula selama 27 tahun sejak 1997, manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) 28 tahun sejak 1996.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pula tidak mengenakan sebarang peningkatan cukai taksiran selama 18 tahun sejak 2006.

Berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), nilaihan baharu boleh dibuat setiap lima tahun atau dalam tempoh lanjutan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Meski ada cadangan semakan jumlah cukai taksiran, pemilik hartaanah

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Menegaskan rumah kos rendah tidak dikenakan kenaikan meski menerima notis itu, beliau berkata semakan tersebut bertujuan mengetahui nilai dan mutu perbandaran sesebuah kawasan.

Katanya, pentadbiran negeri juga akan meneliti pelbagai faktor sebelum memberi kebenaran kepada PBT untuk membuat kenaikan ataupun sebaliknya.

boleh membuat bantahan kepada PBT masing-masing mengikut tarikh yang ditetapkan.

Tarikh akhir menghantar bantahan boleh disemak di portal atau media sosial pihak berkenaan. Tarikh bantahan juga dimuatkan dalam notis kepada pemilik.

MPKJ sudah menguat kuasa sejak 1 Januari tahun ini tetapi hanya mengenakan bayaran sebanyak 50 peratus daripada kadar kenaikan setiap pemilik. Bayaran kadar penuh akan dikuat kuasa pada tahun depan.

Tarikh akhir bantahan MPS dan MPAJ berakhir pada 31 Mei, sementara MBSJ belum menetapkan tarikh.



Faisal (tengah) kali pertama muncul dalam sidang media khas selepas kejadian simbah asid awal bulan lalu di Pusat Latihan Selangor FC, Shah Alam pada 13 Jun. Foto HAFIZ OTHMAN

Selangor FC sedia latihan pemulihan

Bantu Faisal kembali beraksi

Oleh SOFIA NASIR

SHAH ALAM - Selangor FC akan terus membantu Faisal Halim dan yakin tonggak utamanya itu bakal kembali beraksi meski mengalami kecederaan teruk akibat disimbah asid pada awal bulan lalu.

Ahli Lembaga Pengaruhnya Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata kelab meneruskan tanggungjawab menyediakan latihan pemulihan dan keselamatan buat pemain sayap Harimau Malaya itu.

"Kontrak Faisal sehingga akhir 2027 tetapi kami kelab profesional. Ini tanggungjawab kelab untuk bantu Faisal. Sesiapa pun pasti akan membantu."

"Ini tanggungjawab majikan terhadap pekerja untuk menyokong pemulihan emosi dan keselamatan. Saya yakin dengan semangat Faisal dan tidak mustahil dia kembali," katanya pada 13 Jun.

Beliau hadir dalam sidang media di Pusat Latihan Selangor FC di sini bersama Faisal, Ketua Perubatan Sukan Selangor FC Dr Muhammad Hazwan Khair dan peguam Mohd Hajian Omar.

Faisal yang membuat kemunculan sulung selepas tragedi berkenaan hadir dengan kawalan ketat anggota keselamatan diiringi isterinya Nur Syazwani Mizuana Shahril dan bapanya Halim Saad.

Sementara itu, pemain kelahiran Pulau Pinang itu mengakui terlalu merindui arena bola sepak negara terutama ketika menyaksikan rakan sepasukan beraksi menerusi televisyen.

"Saya rindukan bola sepak dan mahu bermain dan berlatih. Saya harus fokus kepada pemulihan dan rehabilitasi."

"Saya akan tunggu doktor berkebenaran bermain. Saya akan berusaha keras untuk dapat peluang bermain seperti biasa," katanya yang turut dikenali sebagai Mickey.

Beliau mengakui hampir berputus asa dan mahu melupakan arena bola sepak selepas kejadian malang itu.

Namun, Faisal berkata Shahril memberi kata-kata perangsang selain memberi jaminan keselamatan diri dan keluarganya.

"Saya sanggup hilang gaji berpuah ribu dan berhenti bermain bola asalkan saya dan keluarga selamat."

"Tetapi Datuk (Shahril) beri semangat dan janjikan kepada saya, 'Mickey saya yakin awak mampu teruskan dan saya jamin keselamatan awak dan keluarga.'

"Pada waktu itulah, saya kembali bersemangat dan mahu terus bermain bola," katanya sebak.

Pada 5 Mei, arena bola sepak tempatan dikejutkan dengan kejadian Faisal disimbah asid di sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya hingga mengalami lecur tahap empat.

Rawatan psikologi atasi trauma

KLANG - Pemain Selangor FC Faisal Halim mengikuti rawatan pemulihan psikologi bagi mengatasi trauma akibat kejadian disimbah asid di pusat beli-belah di Petaling Jaya baru-baru ini.

EXCO Sukan Najwan Halimi menjelaskan pemulihan emosi dan moral pemain melalui pemantauan pakar perubatan Selangor FC menjadi keutamaan selain rawatan fizikal.

"Kerajaan Negeri khususnya Selangor FC berterusan membantu dan memantau keadaan kesihatan Faisal bukan fizikal sahaja tetapi psikologi bagi mengatasi trauma," katanya pada 15 Jun.

Sementara itu, menteri belia dan sukan mahu memastikan Faisal pulih sepenuhnya sebelum kembali beraksi.

Hannah Yeoh yakin pemain sayap berusia 26 tahun itu memiliki tekad tinggi untuk beraksi tetapi beliau tidak mahu Faisal terburu-buru kembali ke padang.

"Saya hendak pastikan beliau ambil masa dan pastikan betul-betul pulih sebelum keluar bermain kerana saya rasa bola sepak akan menunggu Faisal."

"Saya harap beliau jangan tergesa-gesa, pastikan beliau sembuh sepenuhnya kerana bola sepak perlukan beliau," katanya.

TAMANSARI
RAWANG
GAYA HIDUP BERSNI

PEGANGAN KEKAL

LAKARAN ARTIS
TERTAKLUK PADA TERMA DAN SYARAT

Jasmin
TAMANSARI

Harga Jualan Dari
RM887,600*
(Selepas 7% bumi diskuan)

- Unit Bumiputera Dibuka Untuk Jualan
- 7% Bumiputera Diskaun
- Berpagar dan Kejiranah Berpengawal

03 2727 7550

WWW.TAMANSARI.BRDB.COM.MY
TAMANSARI BRDB SALES GALLERY

BRDB

Dahla | Pemaju: Pinggir Mentari Sdn Bhd (939134-H) • Alamat Pemaju: Level 11, Menara BRDB, 285 Jalan Maarof, Bandar Baru, 59000 Kuala Lumpur No.Tel: 03-2688 2888 • Jenis Perumahan: Rumah Teres 2 Tingkat + No. Lesen Pemaju Perumahan: 13819/02-2027/0078/R • Tempoh Sah: 06/02/2022 - 05/02/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 13819-4/09/2025/0191(N)-S • Tempoh Sah: 26/09/2022 - 25/09/2025 • Pihak Bekuksa (PBT) Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Selayang • No. Pengesahan Pelan Bangunan: MP53/2-1371/1499/PBJA/F28 • Pemegangan Tanah: Pegangan Bebas • Sekatan Tanah: Tada • Jumlah unit: 173 • Harga Jualan: RM987,850.00 (Minimum), RM1,474,300.00 (Maksimum) • Tarikh Dijangka Siap Sep 2025 • 7% Diskaun Bumiputera. KLANINI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Rebut peluang anjur jualan murah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka permohonan penganjuran jualan murah barang asas secara dalam talian.

Mana-mana pihak yang berminat untuk menganjur Jualan Ehsan Rahmah (JER) boleh membuat permohonan melalui pautan forms.gle/3xE6acRZRv17X-2zT6 atau imbas kod QR di poster.

Pada 15 Januari, Pengurus Besar Sektor Perniagaan dan Pemasaran PKPS Rosnani Abd Malik berkata permohonan boleh dibuat melalui wakil rakyat, ketua kampung, pihak berkuasa tempatan, ahli majlis atau jabatan kerajaan.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 seapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

MBDK turunkan iklan haram

KLANG - Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) untuk menurunkan gegantung serta iklan haram.

Wakil rakyat Dr G Gunaraj memberitahu kerjasama sedemikian penting bagi memastikan bandar raya berkenaan termasuk DUN Sentosa bebas daripada iklan tanpa permit pihak berkuasa tempatan.

"Ada pihak sesuka hati meletakkan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu. Berikut itu, kita ambil inisiatif bekerjasama dengan NGO dan MBDK menurunkan gegantung serta iklan haram."

"Walaupun ini tanggungjawab pihak berkuasa tempatan tetapi kita bantu kerana akui penguat kuasa tidak mencukupi kerana kawasan Klang agak besar," kata beliau pada 17 Jun.

59,757 usahawan kembang niaga

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) meluluskan 89,347 pelbagai bentuk pembentukan bernilai RM810 juta kepada 59,757 usahawan sejak 2015 hingga kini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mearia Hamzah, bantuan itu bertujuan memenuhi hasrat untuk melonjakkan golongan berpendapatan rendah kepada kelas menengah melalui perniagaan.

Beliau juga menjelaskan Hijrah Selangor sentiasa memberi perkhidmatan terbaik untuk melebar peluang golongan kelas menengah.

"Ini bagi memastikan mereka mampu berdaya saing serta mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih tinggi," katanya baru-baru ini.

Bersama tangani keganasan atlet

SHAH ALAM - Pemimpin Kerajaan Perpaduan dan Perikatan Nasional (PN) berharap pihak berkuasa tegas dan membuat siasatan menyeluruh serta telus terhadap kes keganasan melibatkan atlet negara.

Dalam kenyataan bersama pada 15 Jun, mereka menegaskan kejadian sedemikian tidak harus dipandang remeh dan penguatkuasaan tegas perlu bagi mengelakkan kes sama berulang.

"Kami amat terkesan tatkala menekuni sidang media terkait perkembangan mutakhir Faisal Halim beberapa hari lalu yang sememangnya menyentuh nurani rakyat.

"Bola sepak yang selama ini di-

julang sebagai sukan menyatukan rakyat dicemar elemen keganasan dan ketaasuhan melampaui hingga menuju kepada perpecahan masyarakat," kata kenyataan lagi.

Kelmarin, pemain kebangsaan Faisal Halim yang membuat kemunculan sulung sejak disimbah asid pada Mei mengakui hampir berputus asa dan mahu melupakan bola sepak ekoran tragedi tersebut.

Dalam kenyataan sama, pemimpin Kerajaan Perpaduan dan PN menyifatkan kes keganasan terhadap beberapa pemain bola sepak sebagai titik hitam dalam dunia sukan negara dan perlu dihenti.

"Langkah proaktif wajar digerak-

kan semua pihak khususnya Persatuan Bola Sepak Malaysia bagi menangani budaya 'hooliganisme' dari terus menular dan merosakkan industri bola sepak negara," menurut kenyataan itu lagi.

Kenyataan itu dibuat pemimpin EXCO Sukan Selangor Najwan Halimi dari Parti Keadilan Rakyat, Daniel Gooi Zi Sen (EXCO Pulau Pinang-DAP) dan Senator Mohd Hasbie Muda (Ahli Dewan Negara-Parti Amanah Negara).

Pemimpin lain, Dr Muhammad Akmal Saleh (EXCO Melaka-Umno), Afnan Hamimi Taib Azamuddin (Ahli Parlimen Alor Setar-PAS) dan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad (Ahli Parlimen Machang-Bersatu).

Penurunan tiga sen harga telur

Kurang beban belanja rakyat

Oleh SOFIA NASIR

SHAH ALAM - Penurunan harga runcit telur ayam tiga sen sebiji mulai 17 Jun membantu orang ramai khususnya pasangan yang memiliki bilangan anak ramai.

Ibu kepada empat anak Siti Wahida Abd Wahab, 37, menyifatkan penurunan itu, meski tiga sen dan dianggap rendah, sedikit sebanyak membantu mengurangkan perbelanjaan buat keluarganya.

"Memanglah hanya tiga sen sebiji tetapi kalau 30 biji, jadi 90 sen. Bagi keluarga besar seperti saya, ia membantu kerana biasanya memang kami beli telur dalam kapasiti banyak.

"Telur ayam antara makanan asas

kami sekeluarga. Harap harga barang lain juga dapat turun selepas ini," kata kakitangan kerajaan itu kepada Selangorkini.

Pengusaha telur ayam Zulian Safrine Zulkafale, 40, pula mengakui penurunan harga tersebut menyebabkan keuntungannya merosot sedikit berikutan stok lama masih banyak.

"Terkejut juga harga telur ayam turun tiba-tiba. Kita ambil stok minggu lepas, jadi perlu jual harga semasa atau harga sebelum ini?

"Saya jangka keuntungan sedikit menurun dalam 20 peratus tetapi masih boleh tumpang kos operasi perniagaan," katanya yang menjual 1,000 papan telur seminggu.



Bagi peniaga makanan, Firuz Idris, 30, penurunan harga itu mungkin tidak memberi kesan kepada harga jualan makanan siap masak di gerai kendiannya.

Menurutnya, kos keseluruhan yang perlu ditambah pun masih tinggi berikutan harga pasaran ayam bulat dan sayur yang tidak menentu setiap hari.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan tiga sen sebiji sejalan usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasarans subsidi.

Katanya penampungan subsidi sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam melibatkan perbelanjaan RM100 juta berbanding RM927 juta pada tahun lalu.

RM239,673 nilai jualan JER Aidiladha

SHAH ALAM - Jualan Ehsan Rahmah (JER) Mega Aidiladha anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) merekodkan jualan berjumlah RM239,673.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata program di dataran Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandan Indah mencatatkan nilai tertinggi iaitu RM41,629.

"(Jualan) di pekarangan Kompleks

Penghulu Mukim Hulu Langat (Dusun Tua) RM41,347 dan di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kuala Kubu Bharu berjumlah RM39,921.

"Laman Bougainvillea Kampung Sungai Kertas, Batu Caves di DUN Sungai Tua RM39,598, Dataran Pantai Batu Laut (Tanjong Sepat) RM38,653 dan tapak pasar malam Taman Kem di DUN Pelabuhan Klang (RM38,523)," katanya kepada 20 Jun.

D Mohamad Khairil menambah jualan

pada 14 dan 15 Jun yang bermula 9 pagi hingga 1 tengah hari itu dihadiri 4,000 pengunjung di enam lokasi terbabit.

"Jumlah pengunjung tertinggi di Dusun Tua lebih 700 orang manakala di lokasi lain antara 600 hingga 650 orang," katanya.


Menurut beliau, ayam merupakan barang asas yang paling laris terjual sepanjang jualan mega itu.

"Sebanyak 9,000 ekor ayam dijual di enam lokasi itu selain produk lain seperti telur, minyak masak, beras dan daging turut mendapat sambutan," katanya.





Hampir 40 tahun tidak naik cukai



Oleh NADIAH ZAMLUIS
Foto REMY ARIFIN

Selangor negeri maju dengan nilai hartanah yang kian meningkat. Khidmat pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada penduduk juga semakin banyak khususnya prasarana dan kemudahan awam.

Demi menjayakan tujuan tersebut, cukai taksiran perlu dipertingkatkan sejak puluhan tahun tidak disemak. Semua 12 PBT tidak membuat penilaian baharu kadar cukai taksiran antara hampir 20 hingga 40 tahun lalu (**lihat jadual**).

Dalam keadaan begitu, semua PBT terus memberi perkhidmatan cemerlang. Pada 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi pengiktirafan terbaik kepada 12 pihak berkuasa ini.

Sistem Penarafan Bintang (SPB) kementerian tersebut menilai Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) paling tinggi 97.6 peratus dan paling rendah Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 91.61 peratus.

Pencapaian ini lebih baik berbanding 2016 apabila hanya 10 PBT yang menerima lima bintang.

Daripada 12 pihak berkuasa tersebut, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) paling lama tidak menaikkan cukai berkenaan, selama 39 tahun. Ia baharu sahaja menaikkan cukai taksiran pada 1 Januari lalu. ►

TEMPOH TANPA SEMAKAN CUKAI TAKSIRAN 12 PBT SELANGOR

PBT	Tempoh tidak disemak (sejak tahun)	Tarikh akhir bantahan	Tarikh pendengaran awam
MPKJ *	39 (1985)	16 Mei 2022	Selesai (naik 1 Januari 2024)
MDSB *	37 (1987)	19 Jun 2024	Belum ditetapkan
MPKL *	37 (1987)	25 Jun 2024	Belum ditetapkan
MPS *	32 (1992)	31 Mei 2024	1 Julai - 30 Ogos 2024
MBPJ *	32 (1992)	4 Julai 2024	Mulai 1 Ogos 2024
MBSJ *	32 (1992)	2 Ogos 2024	Mulai 19 Ogos 2024
MBDK *	31 (1993)	16 Julai 2024	Mulai 1 Ogos 2024
MPSepang *	28 (1996)	Belum ditetapkan	Belum ditetapkan
MPHS *	28 (1996)	5 Julai 2024	Belum ditetapkan
MPAJ *	27 (1997)	31 Mei 2024	24 Jun - 31 Julai 2024
MPKS *	27 (1997)	1 Julai 2024	Belum ditetapkan
MBSA **	18 (2006)	14 Jun 2024	5 Ogos 2024

Sumber * jawapan daripada PBT ** media sosial PBT

Bagaimana jumlah taksiran dikira

Oleh NADIAH ZAMLUIS

Kadar cukai taksiran, atau cukai pintu, bagi setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) berbeza-beza bergantung pada nilai harta tanah di sesuatu kawasan dan jumlah sewaan yang dianggarkan bagi setiap jenis harta tanah.

Kawasan yang menjadi tumpuan pembangunan dan padat penduduk seperti Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam misalnya tentu lebih tinggi daripada Sabak Bernam atau Hulu Selangor.

Begitu juga jenis harta tanah yang dibahagikan kepada pelbagai kategori misalnya kediaman dan perniagaan. Sementara bagi kategori kediaman, jenisnya berbeza-beza seperti teres, berkembar, bandar atau pangaspuri.

Cukai taksiran dikuatkuasakan bawah Seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ia boleh dinilai setiap lima tahun atau tempoh lebih lama selepas mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan jawapan bertulis Dewan Negeri Selangor, pada 2017, MBSA mengenakan kadar cukai taksiran antara 2 hingga 7.5 peratus, sementara MBPJ pula 5 hingga 8.8 peratus.

Bagi tahun sama, MBDK (sebelum ini MPK) mengenakan cukai antara 2.2 hingga 11.5 peratus, MPAJ 1.1 hingga 7.15 peratus, MBSJ (dahulu MPSJ) 2 hingga 8 peratus, MPS 4 hingga 12 peratus dan MPKj 2.2 hingga 11 peratus.

Sepang pula menggunakan kadar cukai 4 hingga 9.45 peratus, Kuala Langat dan Hulu Selangor masing-masing 1 hingga 14 peratus, dan MPKS (sebelumnya MDKS) 6

hingga 12 peratus.

Namun 12 PBT ini menggunakan kadar lama (**lihat jadual muka 9**).

Seperti diumumkan EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Dato' Ng Suee Lim pada 29 Mei, Selangor menetapkan kadar maksimum 25 peratus cukai taksiran di semua PBT.

Jadual berikut menunjukkan contoh pengiraan jumlah cukai taksiran tahunan bagi tiga jenis harta tanah termasuk kediaman dan bangunan. Cukai tersebut dikira menggunakan anggaran kasar sewa tahunan.

Jumlah sewaan itu pula ditetapkan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta setiap pihak berkuasa tempatan. Kadar peratusan cukai diluluskan Kerajaan Negeri selepas menerima cadangan daripada PBT.

Cara kiraannya, sewa kasar setahun didarab dengan kadar cukai taksiran. Jumlah kiraan itulah cukai yang perlu dibayar penduduk kepada PBT setiap tahun. Cara pengiraan juga sama bagi cukai taksiran bangunan.

Namun bagi tanah kosong, ia tertakluk kepada nilai pasaran semasa. Misalnya keluasan tanah 5,000 meter persegi dan nilai pasaran semeter persegi adalah RM4,000. Ertinya, harga pasaran tanah tersebut RM2 juta.

Jika kadar cukai taksiran bagi tanah kosong ialah 5 peratus, RM2 juta didarab dengan kadar berkenaan. Jumlah cukai taksiran yang perlu dibayar adalah RM10,000.

Cukai tahunan juga boleh berbeza walaupun jenis harta tanah itu sama kategori jika keluasan lantai telah diubah suai atau ditambah.

JENIS HARTANAH

Kediaman

Rumah teres, rumah berkembar, rumah sesebuah, rumah bandar, rumah pangsa, pangaspuri, apartmen, kondominium, rumah kedai

Perniagaan

Kedai, pejabat, kompleks membeli-belah, pawagam, pejabat, hotel, stesen minyak, pusat rekreasi

Perindustrian

Kilang teres, kilang berkembar, kilang sesebuah

Tanah Kosong

Tanah pertanian, tanah pembangunan

Sumber portal Majlis Bandaraya Subang Jaya

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN KEDIAMAN MBDK

Sewa kasar setahun	RM500 x 12 bulan = RM6,000
--------------------	----------------------------

Kadar cukai	4 peratus
-------------	-----------

CUKAI TAKSIRAN SETAHUN	RM6,000 x 4 peratus = RM240
------------------------	-----------------------------

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN BANGUNAN MPKS

Sewa kasar setahun	RM220 x 12 bulan = RM2,640
--------------------	----------------------------

Kadar cukai	4 peratus
-------------	-----------

CUKAI TAKSIRAN SETAHUN	RM2,640 x 4 peratus = RM105.60
------------------------	--------------------------------

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN TANAH KOSONG MBSJ

Keluasan tanah	5,000 meter persegi
----------------	---------------------

Harga pasaran semeter persegi	RM4,000
-------------------------------	---------

Harga pasaran tanah	RM2,000,000
---------------------	-------------

Nilai tahunan (10 peratus daripada harga pasaran)	RM200,000
--	-----------

Kadar cukai	5 peratus
-------------	-----------

CUKAI TAKSIRAN SETAHUN	RM10,000
------------------------	----------

Sumber jawapan daripada PBT berkenaan

Peluang kemulka bantahan kepada PBT

►MDSB dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) tidak menyemak sejak 1987, 37 tahun lalu. Kawasan pesat membangun dan padat penduduk seperti MBPJ dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sudah 32 tahun tidak membuat semakan.

Seperti PBT lain, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) ingin menaikkan cukai bagi menampung kos pengurusan, pembangunan, perkhidmatan dan penyelenggaraan yang meningkat saban tahun.

Pembangunan pesat bawah pentadbiran majlis itu, dinaik taraf bandar raya pada 23 November 2023, jauh berubah berbanding 31 tahun lepas atau sejak 1993, tahun terakhir cukai disemak.

Penilaian baharu boleh dibuat setiap lima tahun sekali mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 setelah dipersetujui Kerajaan Negeri. Namun, seperti 11 lagi PBT, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) tidak menyemak sejak 28 tahun.

Dalam kenyataan kepada Selangorkini, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) memaklumkan peningkatan kos pengurusan dengan situasi ekonomi semasa menyebabkan mereka terpaksa menanggung kos tinggi.

“Kami perlu membelanjakan RM3 berbanding

cukai yang dikutip hanya RM1 untuk setiap rumah. Contohnya, peningkatan yuran penyelenggaraan juga menyebabkan MPKS perlu menanggung kos pengurusan sisa pepejal yang tinggi,” kata PBT itu yang dinaik taraf pada 7 Ogos 2021.

Proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar selain merangka strategi masa depan, jelas Dato’ Menteri Besar pada 30 Mei lalu.

Menegaskan rumah kos rendah dan kampung tidak dikenakan cukai meski menerima notis itu, Dato’ Seri Amirudin Shari menjelaskan ia bertujuan mengetahui nilai dan kualiti perbandaran sesebuah kawasan.

“Apabila buat penilaian semula, maka nilai rumah atau harta tanah meningkat. Jadi (proses) ini adalah penilaian yang sebenar (terkini). (Kemudian) Kerajaan Negeri menetapkan selepas ini bila hendak dinaikkan atau tidak,” katanya.

Hasil kutipan cukai itu pastinya membolehkan PBT menyediakan kemajuan. MBDK misalnya merancang menyediakan tebatan banjir di Taman

Sri Kerayong, Taman Klang Utama dan Taman Sungai Kapar Indah.

Walau penduduk menerima notis cukai taksiran baharu, pemilik harta tanah boleh membuat bantahan menerusi PBT masing-masing. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerima 22,352 bantahan apabila tempoh tamat pada 31 Mei.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerima 5,669 bantahan sewaktu tempoh tamat pada 14 Jun. Tarikh pendengaran awam bagi PBT itu ditetapkan pada 5 Ogos.

Datuk Bandar Shah Alam Dato’ Mohd Fauzi Mohd Yatim (*foto*) menegaskan MBSA sedia berbincang dengan penduduk. “Kita terima bantahan dan akan panggil pemilik harta tanah untuk sesi pendengaran,” katanya kepada Selangorkini pada 19 Jun.

Selain MPAJ, MBSA dan MDSB, tarikh bantahan kenaikan cukai Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sudah berakhir pada 31 Mei lalu.

Sesi pendengaran bantahan bagi MPAJ dan MBPJ masing-masing akan berlangsung pada 24 Jun hingga 31 Julai dan pada 1 Ogos.



Ratusan ribu unit dikecuali cukai pintu

Oleh ABDUL RAHIM SABRI
Foto HAFIZ OTHMAN

Walaupun semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) bercadang menaikkan cukai taksiran, namun lebih ratusan ribu unit hartanah jenis kos rendah dan rumah kampung di seluruh negeri dikecualikan bayaran ini.

Diperkenalkan sejak 2016, dasar pengecualian ini bertujuan membantu warga berpendapatan rendah.

Satu daripada kira-kira 50 program kebaikan Iltizam Selangor Penyayang, dasar ini menelan kos RM500 juta.

Menurut Laporan Pencapaian dan Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018-2023, pengecualian cukai memberi manfaat kepada lebih 2.5 juta pemilik kediaman kos rendah dan rumah kampung.

Selepas pilihan raya umum negeri pada Ogos tahun lepas, Kerajaan Negeri mengumumkan pengecualian cukai taksiran kepada 426,656 rumah kos rendah dan kampung dengan implikasi kewangan RM29.415 juta.

Pengecualian ini untuk tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2023.

Ia ditunaikan dalam tempoh 100 hari pentadbiran baharu sebagai sebahagian janji dalam manifesto Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad Untuk Lima Tahun gabungan Kerajaan Perpaduan.



“Bantuan secara bersasar ini diharap meningkatkan pendapatan boleh guna bagi golongan yang memerlukan serta mengurangkan kos sara hidup,” kata Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari pada 4 Oktober lalu.

Selain pengecualian cukai taksiran, Kerajaan Negeri juga menaikkan eluan imam, bilal dan siak serta memberi insentif pertanian dan perikanan kepada 500 pesawah dan nelayan.

Bagaimanapun mulai tahun ini, pengecualian cukai taksiran tidak secara automatik bagi rumah kampung demi memastikan mereka yang layak sahaja menerima manfaatnya.

Penerima bantuan ini mestilah memiliki rumah kampung seluas 2,000 kaki persegi dan berpendapatan isi rumah tidak lebih RM5,000 sebulan. Seorang penduduk layak dikecualikan cukai bagi satu unit rumah sahaja.

Pada tahun 2023, dasar pengecualian cukai membantu 100,000 pemilik rumah kampung dengan nilai taksiran RM11.551 juta. Dalam tempoh lapan tahun sejak diperkenalkan, ia melibatkan 745,790 unit kediaman dan peruntukan RM91.498 juta.

Namun rumah ibadat, sekolah dan premis awam yang bukan bermotif keuntungan pula menerima pengecualian cukai.

Apa kata penduduk isu kenaikan?

ADA penduduk yang membantah jumlah kenaikan cukai taksiran.

Namun ada juga yang menyambut baik cadangan itu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan PBT.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri terus memberi pengecualian cukai kepada rumah kampung, kediaman kos rendah, pusat ibadat, sekolah dan tempat awam bukan untuk keuntungan.

Susulan isu kenaikan ini, wartawan Selangorkini NORRASYIDAH ARSHAD dan FITRI HAZIM HAZAM mendapat reaksi penduduk negeri ini pada 14 Jun.

“Jika dilihat pada kenaikan ini, ia hanya melibatkan inflasi tahunan sekitar tiga ke empat peratus sahaja dan kadar maksimum 25 peratus.

“Ini wajar kerana kali terakhir cukai (Majlis Bandaraya Shah Alam) naik pada 2006 dan ia tidak membebankan.”

Najmi Harith,
penduduk Seksyen 30, Shah Alam



“Kos mengurus sampah, pembersihan dan selenggara rumput menelan belanja tinggi.

“Ini beri kesan untuk infrastruktur awam lain seperti padang permainan.

“Kita tidak dapat selenggara tetapi rakyat mahukan padang yang elok.

“Jadi kita perlukan dana tambahan untuk penuhi keperluan penduduk. Sekarang penduduk pun mahu pelbagai kemudahan dan kita cuba penuhi.”

Ahmad Danish Hairuddin, ahli Majlis Bandaraya Subang Jaya, Zon 14

“(Cukai) ini untuk kegunaan rakyat juga. Saya suka membaca, memantau dan mendalami. Jika dibandingkan, cukai kita antara yang terendah.

“Cuma kita minta jangan dinaikkan terlalu mendadak kerana ia mungkin memberi kesan kepada golongan lain.”

Bunyamin Omar dari Taman Lake Vista Puchong, Subang Jaya



“Alhamdulillah, pengecualian cukai taksiran meringankan beban kewangan masjid yang beroperasi hasil sumbangan orang ramai.”

Jafri Md Amin, nazir Masjid Sultan Hisamuddin Alam Shah Batu 14, Hulu Langat



“Pengecualian cukai taksiran menunjukkan Kerajaan Negeri prihatin dan memahami komitmen perbelanjaan rumah ibadat seperti masjid adalah tinggi.”

Amir Shah Noordin, nazir Masjid Ubudiah Kampung Sungai Raya Besi, Hulu Langat

“Pengecualian beri ruang buat masjid memberi tumpuan kepada pelaksanaan program yang membawa kebaikan kepada jemaah seperti ceramah perdana, kuliah dan majlis ilmu.”

Khalil Abd Jabar,
setiausaha Masjid Al-Hasanah
Bandar Baru Bangi, Hulu Langat



1 CRISTIANO RONALDO PORTUGAL POSISI: SAYAP DAN PENYERANG

BINTANG paling mencuri tumpuan semestinya kapten Portugal Cristiano Ronaldo yang memulakan kempen Euro 2024 menerusi penampilan kali keenam kejohanan.

Pemenang anugerah Ballon d'Or lima kali berusia 39 tahun itu mengungguli carta penjaring terbanyak sepanjang zaman Euro dengan 14 gol.

Peminat, khususnya penyokong Portugal mengharapkan pemain kelab Arab Saudi, Al-Nassr itu mengulangi kehebatannya dan menghadiahkan kejuaraan Eropah seperti di Perancis pada 2016.

2 LUCA MODRIC CROATIA POSISI: PERANCANG TENGAH

SEORANG lagi 'kuda tua' yang mencuri tumpuan ialah kapten Croatia Luka Modric. Beliau terkenal dengan hantaran tepat dan kreatif merencana serangan.

Berusia 38 tahun, pemain Real Madrid itu tampil dalam lima kejohanan Piala Eropah, menyamai rekod pertahanan Portugal, Pepe.

Pencapaian terbaik beliau, selain pemenang anugerah Ballon d'Or 2018, ialah memenangi anugerah Bola Emas ketika membantu Vatreni menjadi naib juara Piala Dunia 2018.

3 KYLIAN MBAPPE PERANCIS POSISI: PENYERANG

KALI pertama tampil dalam Euro 2020, bekas bintang Paris Saint-Germain berumur 25 tahun hadir dengan reputasi besar sebagai mesin gol buat skuad The Blues pada Euro 2024.

Peminat masih mengingati persembahan luar biasanya semasa kempeta Piala Dunia 2022 di Qatar yang membawa Perancis ke pentas akhir sebelum tewas kepada Argentina.

Berada pada puncak prestasi ketika ini, larian pantas dan penyudah tajam Mbappe dijangka menjadikan jentera serangan Perancis ampuh merobek gawang lawan.

4 ALESSANDRO BASTONI ITALI POSISI: PERTAHANAN TENGAH

BINTANG Inter Milan berumur 25 tahun antara aset Gli Azzurri berikutnya kehebatannya mengekang serangan lawan dan ketepatan menghantar bola ke bahagian tengah padang.

Beraksi kali pertama pada Euro 2020, Bastoni sudah 24 kali mewakili Itali dan menjaringkan dua gol sepanjang karier antarabangsa.

Musim 2023/24 yang cemerlang bersama Inter Milan cukup memastikan beliau tersenarai dalam skuad Itali untuk kempeta Eropah di Jerman.

5 JAMAL MUSIALA JERMAN POSISI: TENGAH MENYERANG

PEMAIN Bayern Munich ini sudah mewakili Die Nationalmannschaft itu sebanyak 30 kali sejak berumur 18 tahun. Tiga gol sudah dihaddahkan sepanjang karier dengan Jerman.

Namanya menjadi sebutan peminat bola sepak Eropah sejak berumur 16 tahun. Malah, legenda Jerman Lothar Matthaus dalam satu temu bual menganggap Musiala seakan-akan bintang bola sepak Argentina Lionel Messi.

Penampilan pertama dalam Euro 2024 ditunggu-tunggu khususnya penyokong Jerman yang ingin melihat kehebatannya mengawal bola dalam ruang sempit dan melepas pertahanan

Kejohanan Bola Sepak Eropah (Euro) anjuran Kesatuan Bola Sepak Eropah (UEFA) bermula pada 1960 dengan Perancis menjadi tuan rumah.

Berlangsung setiap empat tahun, Euro pertama disertai empat negara yang menyaksikan Kesatuan Soviet (kini Rusia) muncul juara.

Dalam tempoh 64 tahun, 11 negara Eropah pernah meraih trofi Euro dengan Jerman dan Sepanyol paling banyak memenanginya iaitu masing-masing tiga kali.

Pada edisi ke-17 yang berlangsung antara 14 Jun hingga 14 Julai, sebanyak 24 negara berentap di bumi Jerman selaku tuan rumah.

Ia pentas pemain mempamer aksi berkelas dunia. Wartawan NAZLI IBRAHIM memilih 10 bintang bola sepak tumpuan pada Euro tahun ini berdasarkan pencapaian, bakat dan reputasi di padang.

Bintang tumpuan Euro



lawan, seperti ketika bermain untuk Bayern Munich.

6 JUDE BELLINGHAM ENGLAND POSISI: TENGAH MENYERANG

PEMAIN England itu dianggap wira buat penyokong Real Madrid ketika ini dan antara komoditi bola sepak paling 'panas' dalam pasaran.

Ketika kempeta 2023/2024, beliau menjaringkan 18 gol, sekali gus membantu kelabnya menang La Liga Sepanyol dan menjuarai trofi Liga Juara-Juara Eropah ke-15.

Selain statistik perlawanannya hebat, Bellingham memukau peminat bola sepak dengan mentaliti mahu menang dan kualiti kepimpinan atas padang.

7 ARDA GULER TURKIYE POSISI: SAYAP DAN TENGAH MENYERANG

PEMAIN berusia 19 tahun ini membuat penampilan kali pertama pada Euro 2024. Baru menamatkan musim bersama Real Madrid dengan gelaran Liga Juara-Juara Eropah, Guler kian menjadi tumpuan peminat bola sepak.

Sebelum mengikat kontrak dengan Real Madrid, beliau cemerlang bersama kelab Turkiye, Fenerbache antara 2021 hingga 2023 menerusi 32 penampilan.

Bijak mengawal bola dalam ruang sempit antara pemain lawan, jurulatih dan bekas pemain kebangsaan Itali Carlo Ancelotti menganggap Guler bakal pemain elit dunia.

8 LAMINE YAMAL SEPANYOL POSISI: SAYAP KANAN

MUNCUL pemain termuda kejohanan, Lamine Yamal yang berusia 16 tahun dan 338 hari mengatasi rekod pemain termuda Euro dipegang pemain Poland, Kacper Kozlowski pada edisi 2020 ketika usia 17 tahun dan 246 hari.

Penampilan kali pertama pemain Barcelona dalam Euro 2024, dinanti-nantikan pemerhati bola sepak, lantaran beliau dianggap generasi pelapis La Roja.

Kepantasan, kelincangan menggelecek dan penyudah tajam yang dipamer semasa bermain untuk Barcelona mengundang resah lawan dalam Euro tahun ini.

9 XAVI SIMMONS BELANDA POSISI: TENGAH MENYERANG

SIMMONS lahir hasil latihan di Akademi La Masia Barcelona. Beliau mengadaptasi corak permainan 'Total Football' – taktik yang cukup sinonim dengan bola sepak Belanda.

Pemain berumur 21 tahun itu boleh bermain pelbagai posisi atas padang selain kedudukan semula jadi sebagai pemain tengah.

Bijak memaksimumkan penguasaan bola dan mencipta peluang, pemain RB Leipzig dipilih jurulatih Oranje, Ronald Koeman untuk beraksi kali pertama pada Piala Eropah edisi ke-17.

10 JOHAN BAKAYOKO BELANDA POSISI: SAYAP KANAN

CEMERLANG bermain untuk kelab Belanda, PSV Eindhoven, Bakayoko mencatat rekod 12 gol dan sembilan bantuan gol dalam liga Belanda, Eredivisie musim 2023/24.

Mahir mengawal permainan, kelebihan pemain kaki kiri itu menjadikan beliau sasaran perpindahan oleh kelab-kelab bola sepak ternama Eropah.

Tampil pertama kali pada Euro tahun ini bersama De Rode Duivels, persembahan pemain berumur 20 tahun itu memukau peminat dengan kelincahannya menggelecek bola dan memperdaya lawan selain hantaran tepat yang mampu menghasilkan jaringan.

Nadi juara Eropah

Oleh NAZLI IBRAHIM

Reputasi gah, penyertaan banyak negara kuasa besar serta penampilan pemain bintang menjadikan kejohanan bola sepak Piala Eropah (Euro) cukup berprestij.

Pertandingan kendalian Kesatuan Bola Sepak Eropah (UEFA) sejak 1960 itu antara tumpuan peminat bola sepak antarabangsa selepas Piala Dunia.

Setiap empat tahun sekali, pemain memahat nama sebagai penjaring terbanyak kejohanan itu, antaranya Gerd Muller dari Jerman, Marco van Basten (Belanda), Alan Shearer (England) dan Cristiano Ronaldo (Portugal).

Bermula edisi ke-10 pada 1996 di England, UEFA memperkenalkan anugerah pemain terbaik kejohanan dan tujuh pemain sudah memenangi anugerah itu.

Namun, bintang Perancis Antoine Griezmann satu-satunya pemain terbaik kejohanan yang gagal membantu pasukan menjulang Piala Eropah selepas tewas 0-1 kepada Portugal di laman sendiri pada 2016.

Sempena Euro 2024 antara 14 Jun hingga 14 Julai, Selangorkini menyorot enam pemain terbaik yang pernah membawa negaranya menjuarai kejohanan sejak anugerah itu diperkenal.

MATTHIAS SAMMER (JERMAN)

Pemain pertahanan ini cemerlang membantu Die Nationalmannschaft menang Euro 1996 di England bersama barisan pemain bintang seperti Jurgen Klinsmann, Andreas Kopke dan Andreas Moller.

Kejayaan itu melengkapkan musim gemilang Sammer yang turut membantu Borussia Dortmund memenangi Bundesliga pertama pada musim 1994/1995.

Corak permainannya hampir menyamai legenda Jerman Franz Beckenbauer dan turut menjaringkan dua gol. Prestasi cemerlang itu melayakkan beliau dinobat pemain terbaik Euro pertama.

ZINEDINE ZIDANE (PERANCIS)

Legenda Perancis Zinedine Zidane antara bintang bola sepak dunia mendapat anugerah pemain terbaik pada kejohanan 2000.

Masih segar kejayaan juara Piala Dunia pada 1998, Zidane muncul tonggak penting Perancis menjuarai Euro 2000 dengan penuh bergaya apabila menewaskan Itali 2-1 pada perlawanan akhir.

Perancang tengah Real Madrid yang memegang tanda harga pemain bola sepak



termahal dunia ketika itu turut menjaring dua gol pada edisi yang berlangsung di Belgium-Belanda.

THEODOROS ZAGORAKIS (GREECE)

Kapten pasukan Greece ini dianggap ‘pemain ajaib’ apabila berjaya mengemudi negaranya menjulang trofi Euro pada 2004.

Meski gaya permainan bertahan Ethniki pada peringkat kumpulan dikritik hebat, pemain kelab PAOK FC bersama rakan sepasukan berjaya menterjemah strategi diterapkan jurulatih Otto Rehhagel.

Greece ke akhir selepas menyingkirkan pasukan pilihan seperti Sepanyol, Perancis dan Republik Czezh. Tandukan Angelos Charisteas memastikan Portugal rebah di laman sendiri.



XAVI HERNANDEZ (SEPANYOL)

Pemain Catalan ini dianggap perancang terbaik La Roja bersama Andres Iniesta sehingga menang dua Piala Euro berturut-turut pada 2008 & 2012.

Ketenangan Xavi membantu Sepanyol menang lima perlawanan dan satu seri sepanjang kejohanan dengan corak permainan ‘tiki-taka’.

Beliau yang merekod empat bantuan gol dinobat pemain terbaik Euro 2008 di Austria-Switzerland.



ANDRES INIESTA (SEPANYOL)

Mengulangi kehebatan rakan sepasukannya Xavi, pemain tengah Barcelona itu mencorakkan rentak permainan Sepanyol hingga berjaya mengekalkan kejuaraan Euro 2012.

Kreativiti bintang generasi emas juara Piala Dunia 2010 ini menjadi nadi penting pasukan yang melakar empat kemenangan dan dua seri sepanjang kejohanan di Poland-Ukraine.

Iniesta yang dipilih sebagai pemain terbaik perlawanan akhir ketika menewaskan Itali 4-0 turut dinobat bintang terbaik kejohanan.



GIANLUIGI DONNARUMMA (ITALI)

Beliau muncul penjaga gol tunggal dinobat pemain terbaik sejak kejohanan diperkenal pada 1960. Penjaga gol Paris Saint-Germain itu meraih anugerah tersebut pada Euro 2020.



PENJARING TERBANYAK EURO

1960:	François Heuttle (Perancis), Viktor Ponedelnik (Kesatuan Soviet), Valentin Ivanov (Kesatuan Soviet), Drazan Jerkovic (Yugoslavia), Milan Galic (Yugoslavia) – 2 gol
1964:	Jesus Maria Pereda (Sepanyol), Ferenc Bene (Hungary), Deszo Novak (Hungary) – 2 gol
1968:	Dragan Djajic (Yugoslavia) – 2 gol
1972:	Gerd Muller (Jerman Barat) – 4 gol
1976:	Dieter Muller (Jerman Barat) – 4 gol
1980:	Klaus Allofs (Jerman Barat) – 3 gol
1984:	Michel Platini (Perancis) – 9 gol
1988:	Marco van Basten (Belanda) – 5 gol
1992:	Henrik Larsen (Denmark), Karl-Heinz Riedle (Jerman), Dennis Bergkamp (Belanda), Tomas Brolin (Sweden) – 3 gol
1996:	Alan Shearer (England) – 5 gol
2000:	Patrick Kluivert (Belanda), Savo Milosevic (Yugoslavia) – 5 gol
2004:	Milan Baros (Republik Czezh) – 5 gol
2008:	David Villa (Sepanyol) – 4 gol
2012:	Fernando Torres (Sepanyol)*, Alan Dzagoev (Rusia), Mario Gomez (Jerman), Mario Mandzukic (Croatia), Mario Balotelli (Itali), Cristiano Ronaldo (Portugal) – 3 gol
2016:	Antoine Griezmann (Perancis) – 6 gol
2020:	Cristiano Ronaldo (Portugal)*, Patrik Schick (Republik Czezh) – 5 gol

*penjaring terbanyak atas kelebihan bantuan gol

PEMAIN TERBAIK KEJOHANAN

1996:	Matthias Sammer (Jerman)
2000:	Zinedine Zidane (Perancis)
2004:	Theodoros Zagorakis (Greece)
2008:	Xavi Hernandez (Sepanyol)
2012:	Andres Iniesta (Sepanyol)
2016:	Antoine Griezmann (Perancis)
2020:	Gianluigi Donnarumma (Itali)

Sumber portal UEFA

Donnarumma yang tidak bolos dalam tiga perlawanan sepanjang kejohanan muncul wira ketika menyingkirkan Sepanyol menerusi penentuan sepakan penalti di separuh akhir.

Penjaga gol tinggi lampai itu turut cemerlang manafikan penalti Jadon Sancho dan Bukayo Saka ketika menewaskan tuan rumah England 3-2, membawa Gli Azzurri menjulang trofi Euro kedua dalam sejarah.



Jual plastik, beli hotel

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Asal menjual kuih dan kek, beralih kepada perniagaan barang plastik membolehkan Maznah Mahmud meraih hasil sehingga memiliki perniagaan hotel dan spa di Taman Greenwood, Gombak.

Kejayaan wanita berumur 43 tahun itu bermula dengan membuka plastik pembungkus makanan pelbagai jenis membawa mata banyak pihak sehingga beliau dinobatkan Usahawan Sukses Hijrah Selangor pada 2023.

Segalanya bermula pada 2017 semasa Maznah bermula menjual kuih donat dan kek batik. Beliau kerap ke Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur membeli peralatan niaga termasuk plastik sebagai bekas kuih jualan kerana harganya lebih murah.

Ketika itu, anak pesawah asal Alor Setar bermula di gerai milik Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di Gombak. Harga barang plastik di kawasan beliau bermula mahal berbanding di Jalan Chow Kit.

Menyedari peluang itu, Maznah menawar diri mengambil pesanan daripada beberapa rakan niaga berdekatan gerainya yang mahukan bekas plastik murah.

Strategi ibu empat anak itu membeli dan menyediakan perkhidmatan penghantaran bekas plastik ke gerai-gerai milik MPS menyebabkan perniagaan barang plastiknya mendapat sambutan.

"Dapat idea bila kita tengah bungkus, selalu tak cukup pek. Kena beli di kedai-kedai berdekatan tetapi mahal. Kalau mahu yang

murah kena pergi Chow Kit, agak jauh sikit.

"Dapat idea dari situlah. Bila mahu pergi Chow Kit saya juga ambil tempahan dengan kawan-kawan bermula. Saya belikan dan jual dengan mereka," kata pemilik Kedai Barang Plastik Permata ketika ditemui Selangorkini di Taman Gombak Ria, Batu Caves, 26 Februari lalu.

Keuntungan diperoleh menyebabkan Maznah tidak lagi bermula kuih-muih sebaliknya bermula dengan plastik sepenuh masa, setahun kemudian.

Tahun sama juga Maznah mendapatkan bantuan pembiayaan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) dua kali sebanyak RM5,000 dan RM15,000 untuk perniagaan barang plastiknya.

Menjelang PKP

Menjelang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, beliau memindahkan operasi dari gerai MPS ke sebuah rumah sewa yang dijadikan stor.

Sekali lagi Maznah mendapatkan pembiayaan Hijrah sebanyak RM50,000 untuk mengembangkan perniagaan. Sepanjang PKP, plastik pembungkus makanan mendapat permintaan sangat tinggi hingga jualan mencapai lebih RM200,000 sebulan.

Apabila PKP berakhir, Maznah memindahkan pula operasi perniagaannya di lot kedai yang ada sekarang pada 2022.

Beliau membelanjakan kira-kira RM30,000 untuk deposit dan membeli rak-rak di kedai baharunya. Selang beberapa bulan kemudian,

Maznah membuka cawangan pertamanya di Raub, Pahang.

Langkah itu berhasil apabila pembukaan cawangan baharu di Raub menyebabkan jualannya meningkat sehingga RM300,000 sebulan.

Berikutnya permintaan semakin meningkat, Maznah merasakan beliau harus bersedia untuk berpindah ke tempat baharu lebih luas pada masa depan.

Justeru, pada November 2022, pemegang sarjanan teknologi maklumat dan pengurusan Universiti Terbuka Malaysia itu mengambil keputusan membeli bangunan hotel dan spa sebanyak 15 bilik dengan harga RM1.2 juta di Taman Greenwood, Gombak.

Niatnya membeli hotel dan spa itu sebenarnya untuk dijadikan kedai barang plastik pada masa depan sekiranya perniagaan beliau semakin berkembang.

"Mula-mula saya hendak beli lot kedai tempat saya bermula sekarang tetapi harganya terlalu mahal RM1.7 juta, tak mampu."

"Kebetulan saya dapat tahu hotel ini hendak dijual. Tiga tingkat dan lebih strategik, lot tepi lebih luas. Jadi saya beli dengan dapatkan pinjaman bank."

"Sekarang masih beroperasi sebagai hotel tetapi sebenarnya saya mahu jadikan kedai barang plastik. Kiranya untuk persediaan saya berpindah apabila pemilik kedai sekarang menjual kedai ini," katanya.

Walau hotelnya itu tidak memberikan keuntungan sebanyak perniagaan barang plastik, namun Maznah masih mampu membayar kos dan meneruskan operasi.

Subsidi bersasar bendung ketirisan



Pengerusi Institut Terjemahan & Buku Malaysia, NOOR AMIN AHMAD juga bekas ahli parliment

Penyasaran subsidi diesel bermula bulan ini riuuh diperkata ramai. Dari segi politik, ia langkah berani kerajaan kerana keputusan ini boleh menjadi sangat tidak popular. Dari segi ekonomi, ia langkah kerajaan yang bertanggungjawab.

Subsidi, daripada perkataan Latin *subsidium*, bermaksud sokongan, bantuan, pertolongan atau perlindungan. Dalam konteks praktikal, ia pemberian kewangan kerajaan kepada penerima yang ditentukan.

Ahli ekonomi berpendapat subsidi mempunyai fungsi tertentu, misalnya bagi menstabilkan harga ketika inflasi mengejut akibat ketidaktentuan ekonomi. Pada masa sama, mereka memperakui subsidi boleh memberi kesan negatif kerana pembaziran sumber.

Pada satu tahap lebih luas, ia mempercepat kerosakan alam sekitar dan kekurangan barang keperluan dan kenaikan harga kerana sumber cepat habis.

Riuuh perdebatan mengenai isu ini berlaku kerana beberapa sebab. Ada tiga kritikan utama boleh dikesan.

Pertama, pembangkang menggunakan peluang untuk menunjukkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal menurunkan harga minyak seperti ucapan lama beliau. Perdana menteri dalam mempertahankan pendiriannya menegaskan konteksnya tidak lagi sama. Ini kerana jumlah subsidi penggunaan diesel jauh lebih tinggi berbanding sebelum ini.

Ini cocok dengan penjelasan tokoh ekonomi terkenal Lord Maynard Keynes, "Bila fakta-fakta berubah, maka saya mengubah fikiran (sebelum ini). Bagaimana pula dengan kamu?"

Untuk rekod, jumlah diesel pada 2019 ialah 6.1 bilion liter dengan perbelanjaan subsidi diesel RM1.4 bilion atau sekitar RM0.23 sen bagi setiap liter.

Ia meningkat kepada 10.8 bilion liter pada 2023 dengan perbelanjaan subsidi diesel RM14.3 bilion, atau RM1.32 seliter. Dalam maksud lain, pada 2019 kerajaan hanya memberi subsidi diesel sekitar 10

peratus daripada harga pasaran.

Namun, jumlah ini meningkat hampir 40 peratus daripada harga pasaran. Ini belum mengambil kira subsidi petrol RON95 yang tentunya lebih tinggi kerana diguna secara lebih meluas.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 misalnya menunjukkan perbelanjaan subsidi dalam vot (kod akaun belanjawan) mengurus melambung RM55.443 bilion iaitu peningkatan RM42.309 bilion atau 322.1 peratus berbanding 2021 yang berjumlah RM13.134 bilion.

Daripada jumlah itu, subsidi barang produk petroleum meliputi RM45.184 bilion atau 81.5 peratus perbelanjaan tersebut. Ini lonjakan RM35.161 bilion atau 350.8 peratus, daripada sekitar RM10.023 bilion pada 2021. Kenaikan ini juga berpunca daripada kenaikan harga purata produk petroleum global.

Pembaziran sumber

Jumlah keseluruhan subsidi petroleum kini setara, malah lebih daripada dividen tahunan Petronas kepada kerajaan antara RM30 bilion ke RM50 bilion. Ini menjadikan seolah-olah Petronas membiayai keuntungan syarikat minyak lain sekali gus cukai yang dikenakan kepada mereka melalui tanggungan subsidi petroleum ini.

Jumlah besar subsidi petroleum ini juga terbaizir kerana tidak dapat digunakan untuk tujuan pembangunan.

Setakat ini, pembangkang sekadar berpolitik dan gagal menyatakan pendirian sama ada mereka akan menurunkan harga diesel jika berkuasa atau sebenarnya bersetuju dengan keperluan rasionalisasi subsidi berdasarkan realiti kedudukan fiskal kerajaan pada masa ini.

Kedua, pengguna diesel terkesan dengan kenaikan yang agak besar daripada RM2.15 kepada RM3.35 bagi setiap liter pembelian. Ini ada benarnya. Penyasaran subsidi memang bertujuan menghadkan dan jika boleh menghalang terus ketirisan dalam pemberian subsidi. Justeru itu, pasti ada yang terkesan kerana tidak lagi menikmati subsidi pukal seperti sebelum ini.

Daripada rekod lalu, 20 peratus penduduk berpendapatan tertinggi menikmati 42 peratus subsidi bahan api. Manakala 40 peratus terbahawanya hanya menikmati 14 peratus subsidi yang sama. Kerajaan hanya mensasarkan penjimatan tidak kurang RM4 bilion daripada pendekatan dasar semasa.

Subsidi terhad masih diberi kepada kumpulan sasaran tertentu termasuk petani, pesawah, nelayan

dan sejumlah kendaraan industri yang layak dan berdaftar. Mereka umumnya masih menikmati harga diesel bersubsidi seperti sebelum ini melalui pendaftaran kad kelompok (fleet card).

Sekiranya 25 sen diambil sebagai jumlah subsidi kerajaan bagi setiap liter penggunaan diesel, pemberian paling rendah iaitu RM200 kepada kendaraan diesel individu yang layak bersamaan subsidi 25 sen bagi 800 liter petrol. Ia sebenarnya lebih tinggi atau setara kadarnya dengan penggunaan diesel sebelum ini.

Ketiga, keimbangan tentang rantai kesan kepada harga barang dan perkhidmatan. Ini juga ada benarnya pada kadar tertentu. Namun, kita mesti lebih rasional.

Banyak faktor yang mendorong kepada kenaikan harga barang. Ini boleh berlaku misalnya kerana kenaikan gaji. Gaji adalah nama lain bagi harga dan kita semua berkeinginan mendapat gaji yang lebih tinggi. Adakah kerana kita menaikkan harga barang, maka kita menolak kenaikan gaji? Sudah tentu tidak.

Kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang mencerminkan harga sebenar pasaran sebenarnya baik untuk jangka panjang kerana ia akan mengelak pembaziran sumber.

Pada masa sama, kerajaan kini mempelbagai bantuan terus kepada golongan sasaran berpendapatan rendah untuk meringankan beban dan meningkatkan kuasa beli mereka.

Ini boleh dilihat misalnya pada tambahan Bantuan Awal Persekolahan (BAP), pengenalan elautan kepada tentera tidak berpencen, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang lebih tinggi, bantuan skim perubatan, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan sebagainya.

Tidak semua kritikan atau keimbangan yang dibangkitkan ramai salah. Kerajaan dan penyokongnya perlu menilai merit persoalan yang dibangkitkan dan menjelaskan dengan lebih baik kepada semua.

Kita mahu penyasaran subsidi yang dibuat akan meningkatkan sumber kerajaan bagi melakukan banyak pembangunan tertangguh dalam pelbagai sektor lain seperti pendidikan, perumahan dan kesihatan.

Ahli politik sukakan populariti. Keberanian ahli politik melakukan sesuatu yang bertanggungjawab meski tidak popular adalah satu sikap terpuji. Ini kerana negarawan berfikir dan bertindak untuk negara lebih daripada sekadar mengejar populariti untuk menang pilihan raya.

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Pemangku ketua wartawan:
Nadiah Zamlus
sitinadiah@mediaselangor.com

Jurufoto kanan:
Ahmad Zakki Jilan, Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: info@mediaselangor.com
Iklan: sales@mediaselangor.com
Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com

Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com



KEMUDAHAN... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Perdana Menteri China Li Qiang (kiri) merasmikan majlis pecah tanah stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di pekarangan Terminal Bersepadu Gombak pada 19 Jun.

Foto BERNAMA ▶ BERITA MUKA 4

Belanja RM100 juta

Tiga gred harga telur turun 3 sen

SHAH ALAM - Harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara turun tiga sen kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sejoli berkuat kuasa pada 17 Jun.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu harga runcit bahan tersebut diturunkan bagi mengembalikan hasil penjimatan penyasarhan subsidi kepada rakyat, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan kerajaan menampung subsidi 10 sen setiap biji telur membabitkan kos RM100 juta manakala peruntukan sama sepanjang tahun lalu melibatkan RM927 juta.

Menyatakan harga runcit bagi Sabah, Sarawak dan Labuan diselaras

mengikut zon, Anwar berkata langkah itu selaras penurunan kos input pengeluaran telur khususnya bahan asas makanan ayam.

"Isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani secara lebih proaktif dan berkesan sambil berusaha sebaiknya dalam memampar dampak buruk ke atas kehidupan harian," tegasnya.

Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia pula mengajak orang ramai membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup jika pengumuman itu tidak dipatuhi.

Timbalan Pengerusinya Beninder Singh menegaskan peniaga bertang-

gungjawab untuk mematuhi arahan berkenaan atau berdepan tindakan undang-undang.

"Pengguna digalakkan buat laporan kepada pihak berkuasa jika peniaga didapati menjual harga tinggi daripada harga kawalan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Saravanan Thambirajah berkata pengumuman itu bakal memanfaatkan pengguna dari pelbagai latar belakang berbeza.

"Bagus penurunan ini kerana telur sumber nutrisi penting kepada pengguna tetapi pihak berkaitan perlu mengatasi isu kekurangan bekalan di sesetengah tempat," katanya.

Tampung RM7 billion subsidi diesel

SHAH ALAM - Kira-kira RM7 bilion subsidi berkaitan diesel di Semenanjung Malaysia masih ditanggung kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menegaskan subsidi tidak dihapus, beliau yang juga menteri kewangan mahu memastikan pengurusan cekap, tidak tiris dan sampai kepada kelompok rakyat yang layak, lapor Bernama.

"Penyasarhan subsidi diesel ini adalah memastikan pembaziran subsidi tidak lagi diteruskan sambil memastikan

penjimatan mesti dipulangkan kepada rakyat," katanya pada 17 Julai.

Anwar menjelaskan hasil penjimatan daripada penyasarhan subsidi akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor.

"Kerajaan Madani akan kekal komited menangani penyeludupan diesel sambil berusaha mengimbanginya dengan perihal bekalan dan kos sara hidup rakyat," kata beliau.

Katanya, Kementerian Perdag-

gan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menggerakkan Ops Tiris sejak 1 Mac bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi yang memanfaatkan pihak tidak layak.

Sehingga 31 Disember lepas 6.44 juta liter diesel dianggar bernilai RM14.12 juta dirampas.

"Sehingga 14 Jun, RM12.96 juta nilai barang kawalan dirampas dengan diesel menjadi barang kawalan tertinggi yang diseludup dan diseleweng," kata beliau.

Pelarasan langkah tepat, berani

SHAH ALAM - Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar menyifatkan penyasarhan subsidi diesel yang dibuat Putrajaya sebagai langkah tepat dan berani.

"Kita sedar penyasarhan subsidi memang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah kebocoran dan ketirisan tanpa disedari termasuk oleh syarikat tiada kaitan dengan kita," katanya lapor Harian Metro pada 12 Jun.

Beliau mengingatkan kerajaan persekutuan supaya memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan cermat bagi mengurangkan impak berantai yang boleh menjaskan rakyat.

"Ini cabaran besar kerajaan persekutuan. Persoalan ini saya rasa tidak mudah untuk diselesaikan tetapi saya ucapkan selamat berjaya kepada pentadbiran kerajaan," katanya.

Dr Joohari calon Kerajaan Perpaduan

SHAH ALAM - Bekas Pengarah Institut Aminuddin Baki cawangan utara Dr Joohari Ariffin, 60, diumum sebagai calon Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap di Pulau Pinang.

Pengumuman tersebut dibuat Pengarah Pilihan Raya Perpaduan yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Rafizi Ramli di Simpang Ampat, Nibong Tebal pada 12 Jun.

Menurut Rafizi, Dr Joohari daripada KEADILAN memenuhi tiga kriteria utama iaitu anak tempatan, kalangan cerdik pandai dan bertanggungjawab mendidik rakyat, lapor Bernama.

Joohari, anak jati Sungai Bakap, adalah bekas guru dan pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan dari Universiti Sains Malaysia.

DUN Nenggiri diisytihar kosong

SHAH ALAM - Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri diisytihar kosong mulai 19 Jun, kata Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Beliau berkata keputusan itu dibuat selepas DUN Kelantan menerima notis bertulis daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nenggiri Mohd Azizi Abu Naim pada 13 Jun, lapor Bernama.

"Saya mengisytihar menurut Fasal 1 Perkara 31A berlaku kekosongan luar jangka kerusi DUN Nenggiri yang diwakili Mohd Azizi," katanya pada sidang media khas di Kota Bharu pada 19 Jun.

Mohd Azizi yang dipetik Harian Metro pula mahu membawa perkara itu ke mahkamah berikutan keputusan tersebut diadikannya hanya berdasarkan notis pemecatannya sebagai ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Pertimbang subsidi bas sekolah

SHAH ALAM - Pengusaha bas sekolah dan syarikat yang tidak menerima bantuan ekoran penyasaran subsidi diesel boleh merayu dan permohonan mereka diperimbang jika layak.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan memastikan semua golongan sasar yang layak menerima bantuan berkenaan, lapor Bernama.

"Ya, boleh. Ada masa untuk merayu dan (kita) beri tetapi kalau sengaja diambil peluang, kalau syarikat besar, syarikat pelancongan yang untung besar, tidak munasabah dapat subsidi."

"Subsidi ini (diberi) kepada orang susah," katanya ketika merasmikan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian di Bagan Serai pada 15 Jun.

Beliau yang juga menteri kewangan juga memberi amaran kepada pengusaha bas sekolah yang menerima subsidi tetapi menaikkan tambang berdepan risiko lesen ditarik balik.

30 pasangan nikah di Thailand sebulan

SHAH ALAM - Sekurang-kurangnya 30 pasangan dari Kuala Lumpur, Kelantan dan Terengganu ke Narathiwat, Thailand setiap bulan untuk bernikah seterusnya mengamal poligami.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat Abdul Aziz Che Mamat mendedahkan kebanyakan pasangan datang dari jauh untuk menjadi pasangan secara sah, lapor Bernama.

"Bagaimanapun perkahwinan yang dilangsungkan di selatan Thailand tidak semudah disangka kerana ada syarat tersendiri termasuk memerlukan latar belakang pasangan."

"Antara syarat wajib, jika pasangan wanita itu janda atau baliu kita perlu melihat surat cerai atau sijil mati pasangannya terlebih dahulu. Jika syarat itu tidak dipatuhi atau meragukan pasangan berkenaan tidak akan dinikahkan," katanya.

Setiap pasangan yang bernikah di Thailand perlu membuat pengesahan di Pejabat Konsulat Besar Malaysia di Songkhla selain mendaftar perkahwinan mereka di Malaysia.

514 penjawat awam dapat RM1 juta

SHAH ALAM - Seramai 514 penjawat awam menerima ganjaran lebih RM1 juta antara 2012 hingga 2023 kerana mendedahkan kes rasuah yang membawa kepada sabit mahkamah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Tan Sri Azam Bakri berkata pemberi maklumat diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan, lapor Harian Metro.

"Ia ringgit untuk ringgit, jika anda ditawar RM100, kerajaan akan beri anda RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan kembalikan RM1 juta ke-



pada anda," katanya pada 18 Jun.

Beliau menjadi tetamu program audio siar Beyond the Headlines kendalian New Straits Times (NST).

Azam juga memberitahu SPRM menyelamatkan lebih RM25 bilion wang kerajaan melalui pelbagai usaha memerangi rasuah dan ketirisan sepanjang tempoh lima tahun lalu.

Katanya, jumlah itu hasil beberapa projek membabitkan nilai RM87 bilion dengan tumpuan kepada usaha mendapatkan balik aset yang dicu-

ri selain mengheret mereka ke muka pengadilan.

Beliau menambah SPRM juga berjaya mendapatkan kembali kira-kira 70 peratus daripada aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dicuri bernilai kira-kira RM29 bilion.

Menurut Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat pada 6 Jun, pemulangan tambahan RM721.4 juta dana berkaitan 1MDB kepada Malaysia. Keseluruhan nilai yang dipulangkan kira-kira RM6.6 bilion.

Kadar 70 peratus itu, jauh lebih tinggi berbanding 30 peratus purata global pemulangan semula.

Petani antara penerima

Lulus 100,000 bantuan tunai diesel

SHAH ALAM - Sebanyak 100,000 permohonan bantuan tunai subsidi diesel untuk pemilik kenderaan diesel individu serta petani dan pekebun kecil diluluskan setakat 19 Jun.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata matlamat penyasaran subsidi diesel untuk menumpukan bantuan kepada sektor yang layak dan golongan memerlukan, lapor Bernama.

"Bantuan tunai yang ditetapkan pada RM200 sebulan untuk menampung perbelanjaan tambahan diesel bagi lebih 80 peratus pemilik kendaraan diesel individu."

"Saya seru rakyat yang layak supaya mendaftar bagi mendapatkan bantuan tunai diesel bulan Jun. Kerajaan meneruskan bantuan tunai Budi Madani mu-

lai bulan permohonan dibuat," katanya.

Katanya, 30,000 pemohon menerima bantuan tunai pada 10 Jun, diikuti 46,000 lagi pada 19 Jun manakala mereka yang membuat permohonan sebelum akhir bulan menerima bayaran pada awal Julai.

"Pemohon yang layak menerima bantuan RM200 secara bulanan melalui akaun bank masing-masing atau mendapatkan bayaran tunai di kaunter Bank Simpanan Nasional," katanya.

Inisiatif Budi Madani bertujuan meneruskan bantuan kepada pemilik kendaraan dalam kategori Budi Individu manakala petani dan pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi).

Dianggar 300,000 pemilik kenderaan di Semenanjung Malaysia layak menerima Budi Individu manakala hampir

400,000 petani dan pekebun kecil menerima manfaat Budi Agri-Komoditi.

Pemohon yang gagal boleh membuat semakan permohonan dan membuat rayuan menerusi laman sesawang budimadani.gov.my

Harga diesel di Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 bagi setiap liter iaitu harga pasaran tanpa subsidi bermula tengah malam 9 Jun.

Penyelarasian subsidi dijangka membawa penjimatatan RM4 bilion setahun kepada kerajaan seterusnya dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk pembangunan prasarana awam.

Keputusan tersebut berupaya mengawal kegiatan penyeludupan minyak khususnya di sempadan manakala golongan berpendapatan tinggi tidak lagi menikmati kemudahan berkenaan.

Tambah dana bantu veteran ATM

SHAH ALAM - Peruntukan kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ditambah, daripada RM118 juta kepada RM244 juta pada 2024.

Menyatakan dana bayaran sara hidup naik tiga kali ganda daripada RM54 juta kepada RM174 juta, timbalan menteri pertahanan membetulkan peningkatan ketara itu memberi manfaat kepada mereka.

Justeru, Adly Za-

hari mengajak veteran ATM mendaftar dengan JHEV ATM dan persatuan di kawasan masing-masing serta mengemas kini maklumat semasa melalui sistem Vibes 2.0, lapor Bernama.

Katanya, pendaftaran itu bagi memastikan skim bantuan sara hidup, persekolahan, kemasukan ke institusi pengajian tinggi, peralatan pesakit dan bencana alam dapat disalur kepada mereka.

"Setakat 31 Mei, seramai 29,247 veteran menerima faedah ini (bayaran sara hidup)," katanya dalam kenyataan pada 16 Jun.

Menurut Adly, program Peduli Veteran Madani (PVM) pula menjadi wadah menyalur sumbangan kebajikan

dan insentif keusahawanan kepada veteran ATM demi memperkasa sosio-ekonomi.

Katanya, inisiatif tersebut berfungsi sebagai medan interaksi dua hala antara kementerian dan JHEV dalam isu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan serta pemerkasaan ekonomi veteran.

Beliau menyantuni sembilan veteran ATM termasuk baliu serta waris dalam program PVM sekitar Sandakan sekali gus menyampaikan bakul makanan dan keperluan peralatan kesihatan.

Adly juga meluangkan masa bertemu lima usahawan veteran ATM dan menyampaikan insentif bantuan PVM kepada dua pengusaha perniagaan makanan serta gelanggang silat.

Air Selangor®

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000018658	INSTALLATION OF NEW PUMPS AND OTHER RELATED WORKS FOR AIR SELANGOR'S CRITICAL PUMP HOUSES
2.	PN0000018740	TO SUPPLY, IMPLEMENT PERIMETER FIREWALL AND SUPPORT MAINTENANCE FOR AIR SELANGOR FOR THREE (3) YEARS

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau <https://tender.airselangor.com>



TERATUR... Kakitangan Majlis Perbandaran Selayang menyusun bungkusan daging sempena Program Ibadah Korban di Bandar Baru Selayang, Gombak pada 19 Jun. Sebanyak 101 bungkusan diagih kepada penduduk Pang sapuri Dahlia A dan B. Foto Facebook Majlis Perbandaran Selayang

Kerjasama negeri, swasta

RM971,000 untuk cegah denggi

Oleh SHEEDA FATHIL

PETALING JAYA - Kerajaan Negeri bekerjasama dengan KAO Malaysia dan Takeda Malaysia bagi menjayakan program pencegahan denggi menerusi produk baharu syarikat berkenaan.

Menghargai sumbangan itu, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin berkata syarikat tersebut menghulur 61,080 unit produk penghalau nyamuk Bioré Guard Mos Block Serum bernilai

RM971,172.

"Kita akan mengadakan program pencegahan denggi di Selangor bersama KAO Malaysia melalui kegiatan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat termasuk gotong-royong.

"Produk penghalau nyamuk akan diedar ke lokasi titik panas dengan termasuk mengadakan program kesedaran di sekolah bagi meningkatkan kefahaman masyarakat berhubung bahaya Aedes," katanya.

Beliau yang menghadiri pelancaran

New Bioré Guard Mos Block Serum di sini pada 13 Jun yakin kerjasama dengan sektor swasta membantu usaha memastikan kesihatan rakyat terjamin.

Produk penghalau nyamuk itu boleh dibeli di farmasi, pasar raya terpilih atau dalam talian mulai Julai.

Mengenai situasi Covid-19 di Selangor, Jamaliah berkata keadaan terkawal tetapi menasihati golongan berisiko berwaspada ketika berkunjung ke kawasan sesak dengan memakai pelitup muka.

Kutip 1.7 tan barang kitar semula

SHAH ALAM - Sebanyak 1.7 tan barang dikutip dalam program Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ATDReC) di pusat kitar semula Cyberjaya (PKSC) sejak April hingga pertengahan Mei.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEB-WM) Dato' Ramli Mohd Tahir memberitahu barang kitar semula paling banyak dikutip adalah kertas dengan anggaran berat 671 kilogram.

"Sambutan penduduk agak memuaskan dan ini dibuktikan menerusi pe-

ngumpulan barang yang bertambah pada setiap kutipan sejak April," katanya pada 11 Jun.

Susulan itu, Ramli berkata pihaknya mengenal pasti kawasan sesuai di Kuala Selangor untuk memperluas inisiatif tersebut melalui kerjasama penduduk setempat.

"Sekiranya ada persatuan penduduk (berminat dengan kemudahan itu) dan memiliki kawasan atau tapak sesuai permohonan boleh dibuat dengan menghantar surat rasmi kepada kami.



"Kami akan membuat lawatan tapak dan mengadakan sesi perbincangan bagi meneliti kesesuaian permohonan selain tertakluk kepada bajet sedia ada," katanya.

Sebelum ini, KDEBWM dengan kerjasama Bumi Waste Management Sdn Bhd menyasar pembangunan ATDReC ke seluruh negeri secara berperingkat.

Barangan yang boleh dikitar semula antaranya kertas campur, kertas hitam/putih, surat khabar lama dan wayar se-lain minyak masak, tin aluminium serta sisa elektronik.

Garis panduan kembang niaga

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan garis panduan kegiatan perniagaan baharu bagi membantu pengusaha mengembangkan perniagaan.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samiong berkata kategori pertama meliputi lima garis panduan melibatkan go-kart, simulasi golf, hotel, penjagaan haiwan dan pajak gadai pandu lalu.

"Kategori kedua meliputi dua garis panduan aktiviti pemutihan di Kampung Cempaka dan Old Town manakala kategori ketiga perniagaan di hadapan rumah kawasan Taman Medan," katanya pada 12 Jun.

Beliau menjelaskan garis panduan itu selaras bidang khas Thematic Economically Vibrant City (EVC) bawah Pelan Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030.

Wajib pasang perangkap minyak

SHAH ALAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mewajibkan semua premis makanan dalam kawasan pentadbirannya untuk memasang perangkap minyak demi kebersihan berkuat kuasa serta-merta.

Menurut Unit Korporat dan Perhubungan Awamnya, perangkap minyak itu perlu dipasang pada saluran paip pembuang dan mempamer jadual selenggara yang dilakukan secara harian atau mingguan.

"Bahagian lemak, minyak dan gris pada perangkap minyak hendaklah dibuang dalam plastik hitam sebelum dilupus ke tong sampah. Dilarang buang ke longkang," kata kenyataan pada 13 Jun.

Pemilik ingkar akan didenda kurang RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali berdasarkan Seksyen 65 Undang-undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MDSB) 2007.

Menangi RM5,000 hadiah larian malam

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menawar ganjaran lebih RM5,000 kepada peserta Larian Malam Geopark Ampang Jaya bermula di Pusat Konvensyen MPAJ Taman Melawati, Gombak pada 29 Jun.

Bahagian Perhubungan Awam dan Sekretariatnya memaklumkan pendaftaran acara tahunan kali ketujuh yang mulai 9 malam itu masih dibuka. Sebanyak 2,200 penyertaan diterima setakat 12 Jun.

Enam kategori dipertanding iaitu larian santai 5 kilometer (km), larian santai 5km berkumpulan (empat orang), 12km lelaki dan perempuan, serta 12km lelaki dan perempuan veteran.

Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan www.ticket2u.com.my/event/34256/geopark-ampang-jaya-night-run-2024

Sahut seruan tangani Islamofobia

SHAH ALAM - Festival Filem Muslim Antarabangsa Kazan Rusia yang diadakan di Pustaka Tun Raja Uda di sini antara usaha diplomasi antara Malaysia dengan Rusia.

Menurut pengurus Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia, kerjasama itu mengeratkan hubungan selain mempromosi kedua-dua negara dalam sektor pendidikan dan pelancongan.

"Penganjuran julung kali ini yang menayangkan filem serta dokumentari Islam Rusia juga menyahut seruan perdana menteri untuk tangani gejala Islamofobia.

"Ini juga tekad Presiden Rusia Vladimir Putin. Jadi, ini langkah baik untuk paparkan muslim bukan seperti gambaran sesetengah pihak di Barat dan Zionis," kata Dr Maszlee Malik baru-baru ini.

Maqis siti 26 tan serbuk dadih

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor menyita 26 tan serbuk protein whey (dadih susu) bernilai RM140,036 di Pelabuhan Klang (Barat), Klang.

Pengaruhnya Mohd Sobri Md Hashim memberitahu rampasan dagangan dari Belanda itu melibatkan sebuah kontena selepas pemeriksaan dijalankan ke atas sebuah gudang jam 3 petang pada 8 Jun.

"Sitaan barang dagangan itu dilakukan kerana dipercayai menggunakan dokumen mengelirukan," katanya seperti dilapor Bernama pada 13 Jun.

Kes disiasat bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

3,182 individu terima biasiswa Lzs

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (Lzs) menyalur biasiswa pendidikan RM33.2 juta sepanjang tahun lalu termasuk RM14.15 juta kepada 3,182 pelajar institusi pengajian tinggi dalam negara.

Berdasarkan infografik Lzs, seramai 145 pelajar yang menuntut di Mesir, Jordan dan Maghribi menerima manfaat agihan RM5.38 juta.

Sebelum ini, Pengurus Lzs Tan Sri Syed Anwar Jamalullail memberitahu RM1.15 bilion bayaran zakat sepanjang 2023 disalur kepada lebih 350,000 penerima individu dan organisasi.

Beliau menambah agihan kepada lapan kategori penerima antaranya asnaf, fakir dan miskin meningkat 9.7 peratus berbanding RM1.05 bilion pada 2022.

Katanya, sumbangan berkenaan memberi manfaat kepada lebih 65,000 keluarga asnaf, malah usaha tersebut membantu lebih 3,600 keluarga keluar daripada belenggu kemiskinan.

Lzs menyeru orang ramai melaksanakan zakat dalam talian menerusi fpz.zakatselangor.com.my bagi membantu pelajar meraih pendidikan semasa dan selesa.

Tambah baik modul pendidikan

Perluas tahliz ke semua daerah

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Maahad Integrasi Tahliz Selangor (MITS) akan diperluas ke semua sembilan daerah bagi memperkuat institusi pendidikan Islam, kata EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Beliau menjelaskan modul tahliz yang merangkumi sukatan pelajaran dan kurikulum ditambah baik meliputi pendidikan sains, pengukuhan kemahiran teknologi selain kemudahan sukan.

"Kita ada empat (maahad) termasuk di Sabak Bernam dan Klang. Kita (mahu) perluas ke sembilan daerah,"

katanya dalam program ibadah korban di Surau Al-Bukhary Laman Glenmarie di sini pada 17 Jun.

Beliau juga menggesa institusi tahliz persendirian yang belum mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) melalui Persatuan Institusi Tahliz Selangor (Pitas).

Mengajak pengusaha maahad berbuat demikian sebelum 31 Disember, Dr Fahmi berkata Pitas akan memastikan permohonan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad (KMTT) diberi supaya mereka boleh beroperasi.

"Dengan hantar permohonan tersebut, ini memberi ruang dan peluang untuk mereka beroperasi selama tiga tahun sebelum memenuhi syarat mendapatkan kebenaran merancang dalam tempoh itu.

"Dalam tiga tahun, mereka gagal

memenuhi syarat kebenaran merancang penuh, penguatkuasaan boleh dilakukan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terjamin," katanya.

Dr Fahmi berkata Pitas berperanan sebagai agensi sehenti termasuk mengemuka permohonan kepada PBT untuk kelulusan kebenaran merancang tempoh terhad (KMTT) iaitu minimum tiga tahun.

Pada sidang Dewan Negeri Selangor pada Mac, Dr Fahmi memaklumkan beberapa pindaan dilakukan dalam program pemutihan pusat tahliz 2.0 bagi memastikan keselamatan pelajar terjamin.

Pindaan tersebut tidak menekan pengusaha antaranya melibatkan kelonggaran KMTT dan pengecualian yuran serahan.

Pelajar dekati Orang Asli

SHAH ALAM - Seramai 38 mahasiswa Kelab Patriot Chapter Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Perwisa) serta Kelab Mahasiswa Selangor (Masel) mendekati Orang Asli Pulau Carey, Kuala Langat.

Program Bakti Siswa: Masyarakat Orang Asli, Masyarakat Madani selama dua hari mulai 7 Jun hasil usaha sama Universiti Utara Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Pengarah projek Aliff Aiman Norazlan memberitahu program itu bertujuan mengurangkan jurang sosial antara masyarakat luar terutama mahasiswa dengan Orang Asli di negeri ini.



"Sebagai kelab anak Selangor, kami berpendapat perlunya untuk berbakti kepada negeri meski ia jauh dari tempat belajar selain menimba pengalaman ba-

haru," katanya pada 14 Jun.

Beliau juga berharap program julung kali itu yang dirasmikan Presiden Majlis Belia Selangor Dato' Imran Tamrin diteruskan pada masa depan dengan inisiatif yang lebih berdampak besar.

"Diharap hubungan antara masyarakat luar dan Orang Asli dapat dipererat serta memberi manfaat berkekalan kepada mereka," katanya.

Program tersebut meriah dengan pelbagai kegiatan antaranya anyaman kraf tangan, sumpit, demonstrasi penjagaan kulit wajah dan khidmat gunting rambut percuma.

Turut diadakan, pemeriksaan kesihatan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, gotong-royong dan aktiviti kanak-kanak iaitu mengecat beg kanvas.

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/LAND/07/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK DI STADIUM MINI BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN	CIDB, SPKK DAN G3 Kategori B (B09 - Lanskap) ATAU Kategori CE (CE14 - Lanskap) DAN UPEN	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **20 Jun 2024** hingga **11 Julai 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (**UPEN**). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpangkal atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis No. Tender di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **11 Julai 2024**.

4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim (kanan) dan Najwan (dua, kiri) bersama juara individu lelaki dan wanita Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor di Kelab Golf Seri Selangor (KGSS), Petaling Jaya pada 15 Jun. Turut sama Ketua Pegawai Eksekutif KGSS Mohd Zubir Idrus (kiri). Foto FIKRI YUSOF

Red Giants ke suku akhir Piala FA

Kehadiran Faisal suntik semangat

SHAH ALAM - Suasana emosi menyelubungi bilik persalinan Selangor FC di Stadium MBPJ, Petaling Jaya (MBPJ) dengan kehadiran kali pertama Mohamad Faisal Abdul Halim sejak insiden disimbah asid awal bulan lepas.

Jurulatih Red Giants Nidzam Jamil berkata kehadiran pemain berusia 26 tahun itu tidak dijangka dan mengejutkan pemain dan barisan kejurulatihan, lapor Bernama.

Beliau menyifatkan kehadiran pemain sayap itu mencetuskan inspirasi pasukan yang berjaya ke peringkat

suku akhir Piala FA 2024/2025 selepas menewaskan Negeri Sembilan FC 4-0 pada 15 Jun.

"Sudah tentu kehadiran Faisal tonik semangat sebab rasanya sudah sebulan Faisal tak bersama kami, ia seperti pecahan yang hilang. Jadi kami gembira Faisal ada untuk tengok perlawanan, beliau juga datang ke bilik persalinan sebelum perlawanan. Kami semua harap dia dapat kembali (bersama pasukan) segera."

"Suasana (dalam bilik persalinan) agak beremosi pada awalnya tet-



pi kami bergurau macam biasa, kami sangat rindu untuk berbual dengan beliau dan saya gembira untuk tengok perkembangan beliau," katanya.

Dalam pada itu, Nidzam gembira dengan persembahan dipamer anak buahnya yang berjaya melepassi pusingan pertama Piala FA.

"Saya ingat untuk Piala FA apa-apa keputusan positif yang membolehkan kita ke peringkat seterusnya, saya fikir dari segi keputusan dan komitmen kami (barisan kejurulatihan) gembira," kata jurulatih berusia 44 tahun itu.

Selangor FC bertemu Kuching City FC di suku akhir yang dijalankan secara timbal balik bermula hujung bulan ini.

Yakin capai kedudukan tiga teratas

SHAH ALAM - Selangor yakin berada di kedudukan tiga teratas dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak yang bermula dari 17 hingga 24 Ogos, kata pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN).

Menurut Mohamad Nizam Marjugi, seramai 1,138 atlet Selangor akan bersaing dalam semua 37 acara yang menawarkan 488 pingat keseluruhan, lapor Bernama.

"Kita belum mahu mengumumkan secara terperinci sasaran jumlah pingat emas kerana tempoh waktu ke kejohanan sebenar masih panjang.

"Kita yakin boleh perbaiki kutipan pingat yang diraih pada edisi lepas kerana jika berjaya mencapai 10 peratus sasaran sahaja pun, Selangor sudah ada 48 pingat emas, jauh melebihi jumlah 31 pingat emas yang dimenangi pada 2022," katanya pada 12 Jun.

Mohamad Nizam berkata senarai akhir atlet yang akan bertanding bakal diumum awal bulan depan.

Beliau berkata semua atlet kini giat berlatih dan perlu memenuhi kriteria ditentukan jurulatih termasuk persediaan fizikal dan mental sebelum senarai akhir

ke Sarawak dimuktamadkan.

"Kita berikan tumpuan kepada beberapa acara yang berpotensi menyumbang pingat emas seperti renang, olahraga, memanah, boling padang dan menembak."

"Kita mahu setiap atlet bagi sukan tumpuan itu serta beberapa acara lain mampu beraksi cemerlang seterusnya menghantarkan kilauan emas untuk Selangor," katanya.

Pada SUKMA 2022, Selangor ketiga dengan mengumpul 31 emas, 55 perak dan 44 gangsa.

Uji keupayaan pasukan negeri

PETALING JAYA - Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor yang berakhir pada 15 Jun menjadi medan menguji keupayaan pasukan negeri sebelum beraksi di Sukan Malaysia (SUKMA) pada Ogos hadapan.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata kejohanan selama tiga hari itu banyak mendedahkan atlet dengan ilmu baharu memandangkan ia disertai pemain muda profesional dari negara lain.

"Kali ini pasukan golf Selangor yang bakal menggalas peluang ke SUKMA turut terlibat. Program ini mendedahkan atlet dengan peserta antarabangsa sekali gus mampu menggilap lagi bakat mereka.

"Dalam pasukan itu, lima ke enam pemain akan ke SUKMA di Sarawak. Walaupun tidak berjaya mendapat tempat namun mereka timba pengalaman kerana padang di sini agak sukar (bermain)," katanya.

Juara skuasy berpasukan Asia

SHAH ALAM - Malaysia mendominasi perlawanan akhir Kejohanan Skuasy Berpasukan Asia 2024 dengan kejuaraan berpasukan lelaki dan wanita di Dalian, China pada 16 Jun.

Pasukan wanita negara berjaya merampas kembali kejuaraan dengan menumbangkan juara bertahan Hong Kong 2-0.

Ratu skuasy negara S Sivasangari memulakan rentak kemenangan dengan menyumbang mata pertama mengatasi Ho Tze Lok 3-2 dalam pertarungan lima set, menurut laman sesawang World Squash.

Perseorangan kedua Rachel Arnold meneruskan momentum kemenangan selepas menundukkan Tong Tsing Wing 3-0.

1,528 atlet sertai Para SUKMA

SHAH ALAM - Seramai 1,528 atlet daripada 16 kontinen akan menyertai temasya Para Sukan Malaysia (Para SUKMA) ke-21 Sarawak 2024 pada 22 hingga 28 September.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata temasya itu juga bakal disertai 49 atlet sokongan, 788 pegawai dan 75 urus setia kontinen.

"Sebanyak 334 acara bagi 10 sukan Para SUKMA akan dipertandingkan pada kali ini dan kesemuanya akan diadakan di Kuching," katanya seperti dilapor Bernama pada 14 Jun.

Fatimah berkata antara lokasi acara adalah di Stadium Sarawak (olahraga), Pusat Akuatik Pandelela Rinong (renang), Dewan Persatuan Badminton Sarawak BDC (badminton) dan Megalane E-Mart Batu Kawa (boling).



IR IZHAM HASHIM

Pandan Indah

menyampaikan daging kepada penduduk sempena ibadah korban di DUN beliau



BORHAN AMAN SHAH

Tanjung Sepat

menyumbang makanan kepada penduduk di Batu Laut, Kuala Langat



NAJWAN HALIMI

Kota Anggerik

menziarahi mangsa kebakaran di Bandar Nusa Rhu, Shah Alam



DATUK JOHAN AZIZ

Dusun Tua

memberi sumbangan kepada penduduk di Kampung Melaka, Hulu Langat



DR QUAH PERNG FEI

Bandar Baharu Klang

menyerahkan bantuan persekolahan di pusat khidmatnya di Klang



Tangani isu kesesakan trafik

SHAH ALAM - Isu kesesakan lalu lintas dari Lebuhraya Kesan menghalau ke bulatan Kota Kemuning menjadi tumpuan untuk diselesaikan bagi penggal ini.

Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning S Preakas merancang mengemukakan cadangan pembinaan jejabat dan jalan alternatif bagi mengatasi kesesakan di kawasan tersebut.

"Rungutan daripada penduduk memerlukan masa antara sejam hingga dua jam bagi melepas kesesakan di-



bulatan itu.

"Hasil kajian daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kos pembinaan bagi dua jejabat (flyover) dan jalan alternatif berjumlah RM50 juta. Harapan saya Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian penuh," katanya pada 18 Jun.

Bagi langkah jangka pendek pula, Preakas memohon tambahan jumlah laluan perkhidmatan Bas Smart Sel-

ngor untuk menggalakkan rakyat menaiki pengangkutan awam.

Selain itu, beliau turut menumpukan membaik kemudahan jalan di kawasan Bukit Kemuning yang mempunyai kadar kemalangan tinggi.

"Perbincangan telah dilaksanakan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor untuk membaik jalan berlubang dan selenggara lampu jalan di kawasan itu.

"Saya harap JKR dapat membantu kadar segera demi kesejahteraan penduduk," katanya.

Teruskan kempen Bersih dan Hijau

Pupuk kesedaran jaga alam sekitar

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KLANG - Kempen Bersih dan Hijau anjuran Dewan Undangan Negeri Sentosa diteruskan bagi mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara alam sekitar.

Wakil rakyatnya Dr G Gunaraj memberitahu insiatif yang diperkenal sejak 2019 turut memberi penekanan kepada amalan kebersihan sekali gus menjadikannya sebagai rutin harian.

"Masyarakat sering membangkitkan beberapa isu seperti banjir, (pembersi-

han) longkang yang harus dilakukan kontraktor tetapi sebenarnya ini merupakan tanggungjawab bersama.

"Kempen ini bagi mendidik masyarakat untuk menjaga alam sekitar dengan memastikan rumah bersih dan tidak buang sampah mera-ta-rata," katanya dalam perasmian program itu pada 16 Jun.

Dr Gunaraj berkata kempen tersebut akan diperluas ke dua sekolah dalam masa terdekat bagi memupuk kesedaran awal kanak-kanak selain mengadakan program kitar semula dan tanam pokok.



Timbalan Datuk Bandar Klang Mohd Zary Affendi Mohd Arif pula menyifatkan penganjuran kempen berkenaan perlu dicontohi semua pihak termasuk wakil rakyat lain.

"Pendekatan diambil ini perlu dicontohi dan dilaksana semua pihak kerana dapat memupuk kesedaran pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar.

"Pelaksanaan ini seharusnya diuar-uar di setiap masyarakat supaya semua terlibat dan dapat disertai lebih ramai penduduk," katanya.

RM5,000 bantu anak istimewa

SHAH ALAM - Inisiatif Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (ANIS) menerima lebih 2,600 permohonan selepas tarikh tutup permohonan pada 31 Mei.

Penolong pengurus komunikasi korporat Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) berkata semua kelayakan permohonan dinilai dan keutamaan diberi kepada yang memohon awal dan kurang mampu.

"Peningkatan jumlah permohonan berbanding tahun sebelumnya mem-

buktikan ramai ibu bapa mulai sedar berhubung bantuan disalurkan Kerajaan Negeri ini.

"Kita hanya proses borang yang lengkap diisi. Kerajaan Negeri menyediakan 1,000 kuota kepada ibu bapa yang layak pada tahun ini berbanding hanya 500 penerima tahun lalu," kata Sharizan Mohd Shariff pada 19 Jun.

Bantuan ANIS diberikan secara sekali bayar dengan had maksimum sehingga RM5,000 bagi satu keluarga dan terbu-

ka kepada anak istimewa berumur 18 tahun ke bawah.

Objektif utama bantuan untuk meringankan tanggungan kos terapi, pemulihan, pendidikan dan sara hidup (makanan tambahan/ubat-ubatan) bagi anak istimewa yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga.

Semakan status permohonan boleh dibuat menerusi www.anisselangor.com/bantuananis bermula minggu pertama bulan hadapan.

Kursus percuma asuh kanak-kanak

SHAH ALAM - Pengasuh kanak-kanak dari rumah sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang dipelawa menyertai Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak secara percuma.

Menurut Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), penyertaan kursus asas asuhan selama dua hari bermula 29 Jun terhad kepada 50 pengasuh.

Kenyataan itu menyebut insiatif bawah program Iltizam Penjagaan dan

Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK) Selangor turut menawarkan geran bernilai RM2,000 kepada pengasuh terpilih.

"Jika anda pengasuh di rumah, berusia 18 tahun ke atas, pengundi Selangor dan tidak pernah menghadiri kursus pengasuhan mana-mana jabatan serta lahir program ini," kata Yawas di Facebook.

Maklumat lanjut dan borang pendaftaran boleh diperoleh menerusi

[pautan bit.ly/daftarKIPK](http://bit.ly/daftarKIPK)

Sebelum ini, Pengurus Besar YAWAS Gan Pei Nei menyasarkan 1,000 pengasuh dari rumah menerima latihan bawah program IMPAK Selangor yang memberi tumpuan kemahiran berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

Modul kursus ditawarkan antaranya perundangan, asas perniagaan, pengurusan dan penjagaan bayi serta pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak.

Ganjaran untuk cemerlang SPM

SHAH ALAM - Pelajar di Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Setia yang memperoleh keputusan cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ditawar ganjaran wang tunai bagi meraih kejayaan mereka.

Wakil rakyatnya Dr Mohammad Fahmi Ngah memaklumkan permohonan hadiah kecemerlangan itu serendah RM150 bagi keputusan sekurang-kurangnya 5A dibuka sehingga 30 Jun.

Beliau menjelaskan syarat kelayakan antaranya ibu atau bapa pengundi DUN itu selain melampir dokumen asal dan salinan keputusan SPM, kad pengenalan pelajar, ibu serta bapa.

Untuk janji temu pengesahan di pusat khidmat masyarakat, hubungi 018-2060 359 (WhatsApp).

RM200,000 naik taraf kemudahan

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang menyumbang RM200,000 bagi kerja baik pulih dan naik taraf prasarana di pelbagai institusi.

Wakil rakyatnya Abbas Azmi berkata antara institusi yang dibantu termasuklah sekolah, masjid, surau dan dewan serbaguna bagi memberi keselesaan serta menjamin keselamatan pengguna.

"Antara sekolah yang dibantu adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Serdang dan Kelas Agama dan Fardhu Ain (Kafa) Batu 14 Puchong dengan masing-masing menerima bantuan RM30,000.

"Sumbangan untuk SMK Seri Serdang bagi menambah sinki kantin, baiki bumbung laluan pejalan kaki dan sistem pengairan di padang."

"Sementara Kafa Batu 14 Puchong peruntukan untuk baik pulih tapak perhimpunan termasuk tambah bumbung di kawasan itu," katanya pada 16 Jun.

Abbas berkata penambahbaikan kemudahan awam untuk manfaat masyarakat sentiasa menjadi keutamaannya.

Rewang Aidiladha di Lembah Jaya 22 Jun

SHAH ALAM - Majlis rewang Aidiladha peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya diadakan pada 22 Jun, kata wakil rakyatnya.

Menurut Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad, program berkenaan bermula 8 pagi di Dewan Orang Ramai Kampung Dato' Mufti, Ampang Jaya.

"Kita mengalu-alukan penduduk berhampiran untuk hadir mengimarahkan ibadah korban dan rewang Aidiladha pada hari tersebut," katanya pada 14 Jun.

Beliau berkata sebanyak 10 kambing dan tujuh lembu sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini yang diuruskan oleh ahli majlis dan ketua kampung.

Raja Muda singgah pasar malam

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan mengunjungi pasar malam Seksyen 7 di sini sempena program Gagasan Rumpun Selangor pada 19 Jun.

Tengku Amir Shah yang tiba kira-kira jam 6.40 petang dengan menunggang skuter Vespa merah disambut EXCO Kemajuan Desa Datuk Rizam Ismail dan EXCO Belia Najwan Halimi.

Baginda kemudian meluangkan masa kira-kira satu jam beramah mesra dengan peniaga dan pengunjung termasuk berwafoto bersama mereka.

Gagasan Rumpun Selangor yang menjelajah sembilan daerah diperkenal tahun ini bagi meraikan kepelbagaian dan menyemarak semangat perpaduan.

Tutup jalan untuk perlumbaan basikal

SHAH ALAM - Sebahagian jalan ditutup secara berperingkat sempena kejuaraan Perlumbaan Antarabangsa Selangor (SIR) 2024 anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pada 23 Jun.

Acara melibatkan laluan sejauh 145 kilometer bermula dari ibu pejabat PKNS di sini dan merentasi lebuh raya, laluan berbukit serta projek perbandaran PKNS seperti Kota Puteri, pekan Ijok dan berakhir di Shah Alam.

Selain Malaysia, SIR 2024 bakal menghimpunkan pelumba basikal dari Britain, Jepun, Singapura, Brunei, Australia, Indonesia, Filipina, Bangladesh dan Jerman bagi merebut hadiah keseluruhan berjumlah RM100,000 membabitkan dua kategori perlumbaan iaitu profesional dan amatur.

Maklumat penutupan jalan berperingkat di pautan www.facebook.com/selangorinternationalrace


Kursus tiga bulan bahasa Inggeris

SHAH ALAM - Penduduk bandar raya ini dipelawa menyertai kursus asas bahasa Inggeris anjuran Jabatan Pembangunan Komuniti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Menurut kenyataan MBSA, inisiatif dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu terhad kepada 30 penyertaan.

Yuran serendah RM20 dikenakan kepada setiap peserta dalam kursus selama tiga bulan di Pusat Konvensyen MBSA antara 29 Jun hingga 10 Ogos.

Maklumat lanjut dan pendaftaran menerusi pautan shorturl.at/YPCAw



KERJASAMA... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (tengah) menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Selangor FC yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Dr Johan Kamal Hamidon (dua, kanan) dengan Pengarah Eksekutif Tuju Setia di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 16 Jun. Tuju Setia menjadi rakan strategik rasmi pasukan bagi saingan Liga Malaysia 2024/25. Foto Facebook Selangor FC

Penganjuran kejohanan golf

Rancak pelancongan sukan negeri

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

PETALING JAYA - Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor pada 3 Jun hingga 15 Jun dan PKNS Selangor Masters akan merancakkan lagi pelancongan sukan negeri.

EXCO Sukan Najwan Halimi memberitahu Selangor akan lebih dikenali seterusnya menarik penggiat sukan golf dari seluruh pelusuk ke negeri ini dalam kedua-dua kejohanan tersebut.

"Ini juga jadi sebahagian usaha negeri

untuk sokong pembangunan golf malah Selangor juga merupakan antara negeri peneraju sukan ini.

"Kita akan pastikan kejohanan ini jadi acara tahunan bagi melonjakkan lagi segmen pelancongan sukan. Dengan sokongan ramai, kita pastikan Selangor jadi pilihan penganjur (golf)," katanya.

Beliau menghadiri majlis penyampaian hadiah Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor di Kelab Golf Seri Selangor di sini pada 15 Jun.

Tahun ini, pasukan lelaki China dan

wanita Korea Selatan muncul juara berkumpulan. Kategori individu lelaki dimenangi Shijun Jing (China) dan wanita Byun Jiyoil (Korea Selatan).

Juara kategori individu lelaki akan menyertai PKNS Selangor Masters untuk pemain golf muda menimba pengalaman bersaing dalam kejohanan profesional pada 19 hingga 22 Jun.

Kejohanan remaja itu melibatkan 123 pemain muda berusia 12 hingga 18 tahun daripada 12 negara antaranya India, Filipina, Thailand, Indonesia, Australia, Taiwan dan Emiriah Arab Bersatu.

Tonton bola, menangi Honda City

KLANG - Penonton yang hadir menyaksikan perlawanan bola sepak merebut Piala Sultan Selangor (TSSC) berpeluang memenangi hadiah utama cabutan bertuah sebuah kereta Honda City.

Justeru, Penggerusi dan Pengurus pasukan Tan Sri Abd Karim Munisar mengajak seluruh peminat sukan itu bersama-sama menyaksikan perlawanan berkenaan di Stadium Merdeka pada 17 Ogos.

"Terima kasih kepada syarikat pembinaan dan pembangunan hartanah Kum-

pulan Tanjung Balai sudi menaja Honda City sebagai hadiah cabutan bertuah utama untuk tiga tahun berturut-turut.

"Penonton juga berpeluang menang penginapan empat hari tiga malam di Marriott Kota Kinabalu, Sabah dan Noble Resort Hotel Melaka tajaan Aero-front City Development," katanya pada 10 Jun.

Katanya, orang ramai boleh mendapatkan tiket berharga RM10 di restoran Uncle K, pusat beli-belah SACC sebulan sebelum tarikh perlawanan atau di Sta-

dium Merdeka pada hari pertandingan.

Menurut Abd Karim, perlawanan pasukan veteran yang bermula 8 malam diikuti perlawanan utama satu jam kemudian boleh ditonton secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Penonton dinasihati menaiki pengangkutan awam sistem tren Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan Monorel dengan waktu operasi dilanjutkan sehingga 12.30 tengah malam.